**Sidang DUN**

MS 2 - 9





**Pemerkasaan usahawan**

MS 22 & 28

NOVEMBER 16-30, 2019

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Belanjawan 2020
## agenda pemerkasaan wanita terus diutamakan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**



Yang di-Pertua DUN, Dato' Law Choo Kiang merakam gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri, barisan ADUN dan kepimpinan Kerajaan Negeri selepas penangguhan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN Ke-14 di sini 8 November lalu.

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang terus mempergiat usaha dalam memacu agenda pemerkasaan wanita, keluarga dan keterangkuman gender di negeri ini.

Sejumlah RM1.5 juta diperuntukkan kepada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bagi melaksanakan Dasar Keterangkuman Gender serta pembangunan wanita dan keluarga pada tahun depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan perkara itu sempena pembentangan Belanjawan 2020 dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 pada 1 November lalu.

"Portfolio Keterangkuman Gender akan memasuki tahun kedua pada tahun 2020, seiring itu, pelbagai pelan tindakan dirangka untuk memastikan program dan perkhidmatan kerajaan dapat diakses oleh semua.

"Justeru, bagi memastikan agenda keterangkuman gender terus dipergiat, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sejumlah RM200,000 untuk pelaksanaan program pada tahun 2020," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi berkata, sebagai negeri berkebajikan, sejumlah RM50 juta diperuntukkan bagi meneruskan program kebajikan i-Sejahtera pada tahun depan.

"Bayaran penghargaan warga emas dinaikkan daripada RM130 kepada RM150 yang bakal memanfaatkan 178,000 penerima melibatkan peruntukan berjumlah RM26.7 juta.

"Kerajaan Negeri turut menaikkan kadar bantuan golongan orang kurang upaya (OKU), daripada RM130 kepada RM150 melibatkan peruntukan berjumlah RM1.5 juta," katanya.

Tambahnya, Kerajaan Negeri juga terus komited terhadap pembangunan syiar Islam melalui peruntukan berjumlah RM60.05 juta pada tahun depan berbanding RM56.8 juta pada tahun 2019 iaitu meningkat sebanyak RM3.25 juta.

"Sejumlah RM2.4 juta diperuntukkan bagi memulakan proses pembinaan Sekolah Agama Rakyat dekat Masjid Abdullah Fahim dan Sekolah Agama Rakyat Masjid Tuan Guru, Daerah Timur Laut melalui peruntukan berjumlah RM1.0 juta," ulas beliau.

Terdahulu, Kon Yeow membentangkan belanjawan bertemakan 'Penang2030 Teras Kejayaan Kemakmuran Bersama' merangkumi empat teras utama iaitu meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan; menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan masyarakat serta melabur dalam persekitaran bagi meningkatkan daya tahan.

Menurut beliau, Belanjawan 2020 menyaksikan anggaran perbelanjaan sebanyak RM792.66 juta berbanding jumlah hasil RM519.16 juta dengan unjuran defisit RM273.5 juta iaitu 30.88 peratus lebih rendah berbanding RM395.69 juta pada tahun ini.

"Pengurangan ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan mengurus diunjurkan lebih rendah untuk tahun 2020 iaitu RM792.66 berbanding RM901.19 juta pada tahun ini ekoran pengurangan caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan Negeri berjumlah RM150 juta pada tahun depan berbanding RM230 juta (2019).

"Sumbangan lebih rendah kepada dana pembangunan negeri dipertimbangkan selepas mengambil kira pembayaran balik pinjaman daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) kepada Kerajaan Negeri tahun depan," jelasnya.

Dalam belanjawan sama, Kon Yeow turut mengumumkan peruntukan berjumlah RM10.05 juta bagi pembangunan sukan, pelancongan (RM35.8 juta), penyelenggaraan sekolah kerajaan (RM5 juta), sekolah swasta Cina, Tamil, mubaligh dan agama rakyat (RM12 juta) serta sektor pertanian (RM4.07 juta).

*(Info grafik di muka 14 & 15).*

Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN Ke-14

# 43 janji Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 ditepati sehingga kini

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** - Mengehadkan tempoh penjawatan Ketua Menteri selama dua penggal; melantik Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang (PAC) Negeri; memperuntukkan RM150 juta bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir dan peruntukan RM15 juta bagi perkhidmatan bas percuma merupakan antara 43 janji Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 yang telah ditepati oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, 20 janji lagi sedang dilaksanakan termasuk Pakej 2 pembinaan projek Lebuhraya Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu; pemasangan 20,000 tiang lampu LED dan mewujudkan *Penang Arts District* (PAD).

"Selain itu, dua janji yang ditangguhkan iaitu Program Penang Sihat dan bantuan kos sara hidup RM1,000 kepada golongan wanita dan ibu daripada keluarga berpendapatan kurang RM2,000 sebulan, kerana pertindihan dengan program Kerajaan Persekutuan iaitu Program MySalam dan PEKA B40 (Skim Peduli Kesihatan Untuk Kumpulan B40).

"Menuntut pengagihan hasil cukai yang saksama; memohon kebenaran supaya Kerajaan Negeri meluluskan hak milik kekal bagi rumah kos rendah dan sederhana rendah serta pembangunan sekolah menengah Tamil pertama di Malaysia di negeri ini memerlukan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan," ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-14 Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang dekat sini 8 November lalu.

## Belanjawan Perkasakan Agama Islam

Bagi pembangunan agama Islam di negeri ini, menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM60.05 juta yang merangkumi perbelanjaan mengurus berjumlah RM32.46 juta kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Mufti, Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Pendakwaan Syariah yang merupakan jabatan yang baru ditubuhkan.

Malah, katanya, perbelanjaan mengurus jabatan-jabatan tersebut juga meningkat sebanyak 144.06 peratus dalam tempoh 13 tahun (2008 - 2020).

"Peningkatan ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperluas dan meningkatkan perkhidmatan berkaitan agama Islam di negeri ini," jelasnya.

## Wujudkan sumber hasil baharu

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota turut mencadangkan beberapa langkah untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

"Antaranya pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 lalu, yang mana anggaran kutipan selepas pelaksanaannya adalah sebanyak RM11,129,425 berbanding kutipan cukai tanah induk RM5,311,790 sekaligus dapat meningkatkan hasil dua kali ganda.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan usaha meningkatkan kutipan tunggakan hasil dengan menubuhkan Pasukan Petugas Khas yang akan mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang terutama tunggakan cukai tanah dan sewaan di rancangan perumahan awam," ujarnya.

## Pengangkutan

Dalam sektor pengangkutan, Kon Yeow memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri memandang serius isu perkhidmatan bas di Pulau Pinang malah bekerjasama dengan Rapid Penang untuk mengenal pasti masalah berkaitan.

Selain mengadakan perbincangan bagi menambah baik waktu operasi bas kini, beliau menyatakan bahawa hal-hal mengenai laluan di jalan-jalan utama berdekatan dengan kawasan sekolah dan cadangan pemberian subsidi tambahan kepada pelajar sekolah turut akan diteliti dengan lebih terperinci bersama-sama pihak Rapid Penang agar ia benar-benar memberi manfaat kepada kumpulan sasar.

"Kerajaan Negeri juga sedang memantau dan menilai prestasi operasi bas bagi 12 laluan bas percuma CAT *(Central Area Transit)* serta mengadakan sesi *Focus Group Discussion* untuk mengenal pasti langkah penambahbaikan yang dijangka bermula secara berperingkat mulai tahun hadapan.

"Bagi cadangan penggunaan bas mini pula, ia sedang diperhalusi oleh Rapid Penang bersama-sama Prasarana Malaysia Berhad dan ujian percubaan laluan akan dilakukan selama tiga bulan sebelum pertimbangan dibuat kelak," katanya.

Dalam sesi sama, Kon Yeow turut memaklumkan kesediaan Kerajaan Negeri untuk meneliti secara terperinci cadangan ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik untuk membina sebuah terminal bas di kawasan Seberang Perai Selatan.

"Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan ini dan akan meneliti dengan terperinci agar ia dapat memberi manfaat kepada penduduk di Seberang Perai Selatan dan kawasan sekitar," ulasnya.

## Peruntukan Pembangunan Kerajaan Negeri berkurangan 12 peratus bagi tahun 2020

Bagi tahun 2020, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan peruntukan pembangunan berjumlah RM269.34 juta berbanding RM306.38 juta pada tahun 2019, iaitu pengurangan sebanyak 12 peratus atau RM37.04 juta setelah mengambil kira kepentingan serta impak kepada masyarakat.

"Kerajaan Negeri tidak akan mengabaikan kebajikan rakyat negeri Pulau Pinang dengan mengurangkan jumlah projek-projek pembangunan di negeri ini.

"(Dan) memandangkan pentadbiran Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di bawah kerajaan yang sama, ia memberi sedikit kelebihan apabila peruntukan telah mula disalurkan semula kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri amat menghargai peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan berharap ia berterusan, malah meningkat lagi pada masa hadapan," zahirnya yang mendapat 'tepukan di meja persidangan' sebagai tanda setuju dan sokongan penuh daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.

Kon Yeow dalam pada itu memaklumkan bahawa di bawah Belanjawan 2020 Negeri Pulau Pinang, peruntukan pembangunan kepada kebanyakan jabatan adalah hampir sama atau meningkat berbanding tahun lalu.

"Kecuali penurunan peruntukan di bawah Pejabat Ketua Menteri, Pejabat Setiausaha Kerajaan (P01) dan Jabatan Kewangan Negeri (P16).

"Pengurangan ini setelah mengambil kira beberapa projek khas negeri yang telah dilaksanakan pada 2019 dan tidak ada keperluan untuk dibajetkan semula pada tahun 2020," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.

Penjelasan tersebut juga sekaligus menjawab persoalan yang diutarakan oleh ADUN Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil berhubung pengurangan peruntukan pembangunan bagi tahun hadapan.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memaklumkan kepada Dewan bahawa prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan tahun 2018 adalah berjumlah 69.23 peratus dan Kerajaan Negeri berjaya melaksanakan 99.40 peratus daripada projek dirancang.

"Pencapaian peratus pelaksanaan projek yang tinggi tetapi peratus perbelanjaan rendah ini dapat dicapai dengan mengambil kira kaedah perolehan secara tender terbuka dan telus selaras dengan dasar Cekap, Akauntabiliti, Telus (CAT) yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008," katanya.

Terdahulu, Kon Yeow merakamkan penghargaan kepada semua ADUN yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan 2020 Negeri yang dibentangkan pada 1 November 2019.

"Saya berharap, sikap positif dalam memperlihatkan keprihatinan terhadap keluh-kesah rakyat di kawasan masing-masing akan terus berkekalan supaya tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan seikhlasnya," zahirnya.



***POSE*** **bersahaja Ketua Menteri bersama-sama dua timbalannya selepas penangguhan sesi DUN di sini baru-baru ini.**




Oleh: **AZMI HUSSIN**

**Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN Ke-14**

# Penangguhan bina semula Masjid Sungai Nibong Besar bersifat sementara, untuk jajar semula LRT

**GEORGE TOWN -** Penangguhan projek pembinaan Masjid Sungai Nibong Besar sebenarnya berpunca daripada proses penjajaran semula pelan Transit Aliran Ringan (LRT) di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, cadangan jajaran LRT tidak akan mengubah pelan asal pembinaan masjid yang mana ia (masjid) akan dibina di atas tapak asal (masjid) dan pihak masjid juga akan mendapat tanah tambahan.

Tambah beliau, berdasarkan perancangan Jabatan Kerja Raya (JKR), pembinaan masjid berkaitan akan dimulakan pada Januari 2020.

"Penjajaran semula jajaran LRT juga telah menyebabkan pelaksanaan projek ini tertangguh disebabkan oleh pihak JKR perlu membuat pindaan susun atur pelan masjid berdasarkan perubahan tersebut.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.**

"Cadangan jajaran ini tidak akan mengubah pelan asal pembinaan masjid yang mana ia (masjid) akan dibina di atas tapak asal masjid, dan pihak masjid juga akan mendapat tanah tambahan, iaitu bersebelahan dengan Lot 10067 Mukim 13 Daerah Timur Laut, iaitu di hadapan mehrab masjid.

"Kerajaan Negeri berpendirian bahawa jajaran LRT yang akan dilaksanakan adalah jajaran terbaik untuk semua pihak," ujarnya dalam Sesi Soal Jawab Lisan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di Dewan Sri Pinang dekat sini pada 4 November 2019.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat memberi respons itu sebagai menjawab persoalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Noor yang juga Ketua Pembangkang Pulau Pinang.

Penjelasan Ahmad Zakiyuddin itu sekaligus menjawab asakan sekumpulan umat Islam yang melancarkan demonstrasi aman di luar perkarangan Dewan Sri Pinang sebelum itu.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga ADUN Pinang Tunggal memberitahu bahawa penjajaran semula dibuat setelah mengambil kira nasihat dan keputusan daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) serta Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang.

"Dari segi teknikal, jajaran LRT yang telah dipilih ini merupakan (jajaran) yang lebih sesuai daripada segi geometri dan dapat mengurangkan kos penyelenggaraan untuk tempoh masa panjang," ulasnya.

Menurut beliau, jajaran LRT tersebut juga akan berada selari dan hanya menggunakan bahu Jalan Sultan Azlan Shah sahaja.

"Jajaran LRT ini tidak mengganggu kawasan perumahan yang berdekatan dan tidak memberikan impak kepada pembinaan masjid yang baru.

Difahamkan, pembinaan Masjid Sungai Nibong Besar adalah di atas Lot 3423 dan Lot 10067 Mukim 13, Daerah Timur Laut yang mana masjid berkenaan terletak di antara laluan Jalan Sultan Azlan Shah dan cadangan jajaran LRT.

Setelah masjid ini dirobohkan untuk pembinaan semula, terdapat cadangan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk menjajarkan semula laluan LRT, pada asalnya jajaran tersebut berada di hadapan mehrab masjid yang jarak antara LRT dengan bangunan masjid adalah 2.7 meter sahaja.

# Penggunaan Jata Kerajaan Negeri tanpa kelulusan boleh dikenakan tindakan undang-undang

**GEORGE TOWN –** Penganjuran sesuatu acara dengan menggunakan Jata Kerajaan Negeri Pulau Pinang tanpa kelulusan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, undang-undang bagi penyalahgunaan Jata Kerajaan Negeri adalah tertakluk di bawah Enakmen State of Penang Emblems and Names (Prevention of Improper Use) (Penang No. 8 of 1961) iaitu suatu enakmen yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

"Tindakan dari segi perundangan boleh diambil ke atas mana-mana pihak sekiranya didapati menggunakan Jata Kerajaan Negeri Pulau Pinang tanpa kebenaran atau kelulusan.

"Walau bagaimanapun, sehingga kini Kerajaan Negeri masih mengambil pendekatan secara berhemah dengan menasihati pihak yang bercadang menggunakan Jata Kerajaan Negeri supaya mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Setiausaha Kerajaan Negeri.

"Sekiranya terdapat cadangan bagi tujuan penguatkuasaan pada masa hadapan, perkara ini perlu diperhalusi serta dilaksanakan berlandaskan peraturan-peraturan atau undang-undang berkaitan enakmen sedia ada," katanya semasa Sesi Soal Jawab Lisan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-14 dekat Dewan Sri Pinang di sini 7 November lalu.

Beliau yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata demikian sebagai menjawab soalan dikemukakan ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang.

Selain itu, menurut Kon Yeow, pameran Jata Kerajaan Negeri pada kenderaan-kenderaan juga ditakrifkan sebagai satu kesalahan sekiranya tidak mendapat kelulusan.

"Namun, penggunaan Jata Kerajaan Negeri pada kenderaan-kenderaan mungkin tertakluk kepada penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang mana saya percaya tindakan diambil dari semasa ke semasa," ujarnya.




**(Dari kiri) ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong, ADUN Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq dan ADUN Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim mengadakan perbincangan di lobi Dewan.**





**KETUA Menteri dikerumuni barisan media pada sidang media yang diadakan.**

## Tiada hasrat lantik pegawai pemantau dalam jawatankuasa kariah masjid, respons Exco Agama

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang setakat ini belum berhasrat melantik seorang pegawai khas untuk menyertai tiap-tiap jawatankuasa kariah masjid di negeri ini demi memperkukuhkan pelaksanaan dasar 'Islam Rahmatan Lil Alamin', selain menangani anasir politik agama secara melampau yang membabitkan penyokong pembangkang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberi respons itu sebagai menjawab soalan tambahan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil.

"Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada rancangan untuk melantik pegawai pemantau tapi pemantauan akan dilakukan oleh Jabatan (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP) dan Majlis (Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP)," jelasnya yang juga ADUN Pinang Tunggal dalam Sesi Soal Jawab Lisan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di Dewan Sri Pinang dekat sini pada 4 November 2019.

Sebelum itu, Muhammad Faiz memberitahu Dewan bahawa terdapat penceramah agama mesra parti-parti pembangkang Pulau Pinang sering kali menjadikan mimbar masjid untuk menyemarakkan semangat perkauman melampau terhadap Pihak Berkuasa Negeri.

Menurutnya, anasir tersebut boleh menjejaskan usaha Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memartabatkan kedudukan Islam dan umat secara keseluruhannya berdasarkan dasar Islam Rahmatan Lil Alamin (Islam Sebagai Rahmat Ke Seluruh Alam).

Selain itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat turut memberitahu Muhammad Faiz bahawa sesi pemilihan Jawatankuasa Kariah Masjid ditangguhkan selama setahun, sehingga bulan April 2020.

Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN Ke-14

# 10 daripada 116 kontena sisa plastik import dihantar pulang negara asal

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 10 daripada 116 kontena yang mengandungi sisa plastik import disita dan dihantar pulang ke negara asal melalui pihak berkuasa pelabuhan pada 20 Ogos lalu.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, baki 100 kontena lagi diserahkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) kepada Jabatan Alam Sekitar pada 22 Ogos lalu.

"Di Pulau Pinang, 116 kontena yang mengandungi sisa plastik telah disita dan dilucut hak oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) setelah tidak ada syarikat tampil membuat pengesahan selepas tamat tempoh diberikan.

"Susulan itu, pada 29 Julai lalu, JPSPN telah mengarahkan pihak berkuasa pelabuhan supaya menghantar pulang kontena ke negara asal.

"Urusan penghantaran pulang kontena-kontena ini ke negara asal adalah mengikut prosedur Konvensyen Basel selaras dengan arahan daripada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) sebelum ini," ujarnya dalam Sesi Soal Jawab Lisan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di Dewan Sri Pinang dekat sini 4 November 2019.

Boon Poh berkata, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) melaporkan bahawa masih terdapat 255 kontena sisa plastik import ditahan dekat Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT) dan pusat tahanan Kastam sehingga 30 September lalu.

"Jumlah 130 kontena yang belum mengisi borang K1 akan diserahkan kepada JPSPN untuk tindakan selanjutnya, manakala 125 lagi yang mengisytihar borang K1 dan didapati tidak mempunyai Lesen Import (AP) akan dikompaun dan dilucut hak oleh JKDM.



PHEE Boon Poh.

"Kontena-kontena ini akan dipindah ke pusat tahanan Kastam (Diraja Malaysia) sementara menunggu tindakan selanjutnya.

"Kontena sisa plastik yang dilaporkan oleh PPSB adalah kes berlainan dan tidak termasuk dalam kes 116 kontena terdahulu yang disita untuk tindakan dihantar pulang," jelasnya.

Pada 30 Mei 2019, JKDM Negeri Pulau Pinang mendedahkan terdapat 265 kontena yang mengandungi sisa sampah plastik telah dibawa masuk ke negeri ini dan tersadai di Terminal NBCT sejak Januari lalu.

Pengarah Kastam Pulau Pinang, Datuk Saidi Ismail berkata, sebanyak 149 daripada kontena itu diikrarkan sebagai barangan kitar semula manakala bakinya masih belum diikrar dan tidak memiliki AP.

## Syor tempatkan produk PKS di PIA, perkasa kempen 'Beli Barangan Pulau Pinang'

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri disyor untuk memperkasakan industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan menempatkan barangan buatan usahawan tempatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, berdasarkan statistik, pengguna PIA kini mencecah hampir sembilan juta, beliau percaya kekuatan tersebut dapat diguna untuk memperkasakan jualan barangan PKS tempatan melalui kempen 'Beli Barangan Pulau Pinang'.

"Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri melalui pihak berwajib memperkasakan industri PKS negeri dengan membantu pemain-pemain industri PKS ini menempatkan produk serta barangan mereka di kiosk dan premis Malaysia Airlines Berhad (MAB).



SAIFUDDIN Nasution Ismail.

"Sejajar dengan Tahun Melawat Malaysia tahun hadapan, saya percaya inisiatif ini mampu melonjakkan ekonomi negeri sekaligus memperkenalkan kempen 'Beli Barangan Pulau Pinang'," ujarnya ketika sesi perbahasan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 4 November lalu.

Mengulas lanjut, Saifuddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memberitahu bahawa melalui perbincangan yang diadakan bersama-sama pihak MAB, beliau dimaklumkan bahawa pihak berkaitan (MAB) telah memulakan dua projek perintis *non aero* di beberapa lapangan terbang terpilih dengan memperkenalkan sudut khas 'Himpun' dan 'Kuih Kita' bagi memperkenalkan barangan PKS tempatan.

"Saya difahamkan MAB komited untuk memperluaskan inisiatif ini ke lapangan terbang lain, dan saya rasa PIA adalah lokasi terbaik.

"Ini adalah satu peluang untuk melonjakkan produk PKS, sebab industri PKS Pulau Pinang mempunyai pelbagai produk menarik terutamanya sektor makanan dan minuman.

"Paling penting adalah produk-produk ini mesti dijual dengan harga kompetitif, diubah suai ikut format lapangan terbang dan mengikut kesesuaian," jelasnya lanjut sambil mendedahkan bahawa kira-kira 100 juta pengguna mengunjungi 39 lapangan terbang seluruh negara dan nilai hasil jualan setiap premis di lapangan terbang mencecah jutaan ringgit setiap bulan.

## Naik taraf Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong demi selesa pengguna

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan menyatakan hasrat supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat menaik taraf Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong demi keselesaan para pengguna.

Menurut beliau, terminal tersebut bukan sahaja menjadi hab pengangkutan yang penting kepada warga tempatan, malah turut dikunjungi pelancong dari luar negara.

"Saya berharap terminal bas ini dapat dinaik taraf dengan mengintegrasikan konsep bandar pintar bertaraf antarabangsa sama seperti Penang Sentral di Butterworth.

"Terminal bas sedia ada ini tidak mesra warga emas dan orang kurang upaya (OKU), malah ruangan menunggu juga tidak selesa serta sering diganggu oleh 'ulat tiket'.

"Selain itu, terdapat lebih 30 syarikat bas yang beroperasi secara aktif di terminal bas tersebut berbanding jumlah lorong yang ada," ujarnya ketika ditemui sejurus membahaskan Belanjawan 2020 Negeri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang dekat sini pada 5 November 2019.

Dalam perkembangan berkaitan, Kumaresan turut mencadangkan agar tapak Pesta Pulau Pinang yang terletak bersebelahan terminal bas tersebut dijadikan sebagai kawasan *'Uptown'* atau pasar malam.

"Kawasan tersebut sangat luas dan amatlah merugikan sekiranya hanya digunakan ketika penganjuran Pesta Pulau Pinang sahaja.

"Sebaiknya, tapak sama boleh dijadikan kawasan yang mana pengusaha kecil tempatan boleh turut menyumbang terhadap pembangunan ekonomi negeri," katanya.

Sebagai rekod, penganjuran Pesta Pulau Pinang sering diadakan pada bulan November dan Disember setiap tahun.



A. Kumaresan.

## Projek pembinaan *underpass* di Mount Erskine diteruskan

**GEORGE TOWN -** Bagi menangani isu kesesakan di persimpangan Jalan Gottlieb; Jalan Burma; Jalan Bagan Jermal dan Jalan Mount Erskine, projek pembinaan jalan bawah atau *underpass* akan diteruskan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sekiranya projek berkenaan tidak dilaksanakan maka kesesakan lalu lintas akan berterusan serta meruncing pada masa hadapan.

"(Dan) secara tidak langsung pembangunan ekonomi di kawasan tersebut juga akan terbantut," responsnya bagi menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit.

Menurut Kon Yeow, berdasarkan Laporan Penilaian Impak Trafik (TIA Report) pada 2015, unjuran sebanyak 10,000 unit perumahan baru akan wujud di kawasan sekitar Jalan Mount Erskine; Jalan Fettes dan Jalan Lembah pada 2024 apabila jalan bawah siap kelak.

"Selain itu, bilangan kenderaan juga dianggarkan bertambah pada kadar 4.15 peratus setiap tahun di kawasan Pulau Tikus dengan anggaran bilangan kenderaan harian bertambah sebanyak 8,500 buah pada 2024," ujarnya dalam sesi soalan lisan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Keempat Belas di Dewan Sri Pinang dekat sini 6 November lalu.

Chun Kit kemudiannya menyoal sama ada Kerajaan Negeri mempunyai alternatif lain bagi menyurai masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota memberitahu Dewan bahawa tindakan awalan telah dilaksanakan termasuk melebarkan jalan di persimpangan-persimpangan tersebut.

"Pelebaran (jalan) di persimpangan Jalan Mount Erskine dan Jalan Gottlieb telah dibuat termasuk di Jalan Burma dan Jalan Cantonment bagi menghadapi kemungkinan pertambahan trafik.

"(Dan) pada masa hadapan, jajaran PIL1 (*Pan Island Link 1*) juga akan melalui persimpangan tersebut.

"Maka pihak MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) tidak mempunyai pilihan lain selain daripada membina jalan bawah," jelasnya.

Tambah Kon Yeow, sekiranya pihak MBPP memilih untuk membina *flyover* (jejambat), maka kos akan menjadi lebih tinggi.

Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN Ke-14

# MBPP, MBSP komited laksana perkhidmatan perbandaran di kawasan kampung

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) komited melaksanakan perkhidmatan perbandaran di kawasan kampung dengan menggunakan pendapatan daripada kutipan cukai taksiran setiap tahun mengikut lingkungan had sempadan pentadbiran masing-masing.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, perkhidmatan pembersihan am yang dijalankan ialah membabitkan jalan, parit, pokok, landskap serta pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan kampung.

"Melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 1 Ogos lalu, kita telah bersetuju mempertimbang serta meluluskan penetapan tarikh kuat kuasa garis panduan penetapan tanggungjawab oleh jabatan dan agensi kerajaan berhubung penyelenggaraan jalan, parit, pokok serta landskap di negeri ini.

"Sehubungan itu, Kerajaan Negeri juga telah menetapkan pihak yang bertanggungjawab menyelenggara jalan dan kebersihan di Pulau Pinang serta kawasan Seberang Perai sebagai penambahbaikan untuk mengatasi masalah yang dihadapi di sesetengah kawasan di negeri ini," ujarnya.

Beliau menyatakan perkara berkaitan pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini pada 5 November lalu sebagai menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung dan Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti).

Tambah Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat, MBPP dan MBSP akan meluas serta meningkatkan perkhidmatan penyelenggaraan parit dan jalan serta penyediaan kemudahan selaras dengan pertambahan penduduk, kawasan perumahan, perniagaan, lalu lintas dan kualiti hidup penduduk secara amnya.

"Penilaian semula kadar cukai taksiran rumah adalah sejajar dengan keperluan meluaskan dan meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan PBT.

"Bagi kawasan pentadbiran MBSP, perkhidmatan tambahan yang akan dilaksanakan ialah menjalankan kerja-kerja pembersihan am, menaik taraf lampu-lampu jalan awam, mengenal pasti dan mempromosi kawasan-kawasan luar bandar yang berpotensi untuk tarikan pelancong seperti agropelancongan, ekopelancongan serta pelancongan berteraskan warisan.

"Manakala, lain-lain perkhidmatan sedia adalah ada seperti kutipan sampah dari tong komunal, pemasangan lampu jalan di tiang-tiang sedia ada masih diteruskan," maklum beliau.

## Syor Putrajaya tubuh SPV, terbit bon biayai PSR perlu perbincangan lanjut

**GEORGE TOWN -** Putrajaya mengesyorkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menubuhkan syarikat bertujuan khas (SPV) untuk proses menerbitkan bon bernilai RM10 bilion, dengan jaminan Kerajaan Persekutuan pada kadar faedah terendah.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa perkara itu adalah susulan langkah Kerajaan Negeri memohon pembiayaan awam sebanyak RM10 bilion daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai kerja-kerja awal projek tambakan laut di perairan selatan pulau Pulau Pinang (PSR).

Menurut beliau, surat rasmi berwajib daripada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bertarikh 1 Oktober 2019, diterima pada 15 Oktober lalu.

"Dengan surat ini, langkah seterusnya adalah Kerajaan Negeri akan berhubung dengan Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Kewangan untuk perbincangan seterusnya.

"Walaupun dalam surat (Kerajaan Negeri) sebut RM10 bilion dan dalam surat Perdana Menteri pun sebut RM10 bilion, tapi (penerbitan) bon-bon ini pada peringkat awal tidak perlu sampai RM10 bilion.

"Pada peringkat awal, RM1 bilion (hingga) RM2 bilion pun sudah cukup, dengan perjalanan projek (PSR) dan memulakan pembiayaan, maka jumlah (pembiayaan yang diperlukan) akan diterbitkan.

"Katakanlah (terbit) RM1 bilion, kemudian (terbit lagi) RM1 bilion sehingga tambakan (laut) berlaku, pulau (buatan) sudah terjadi, tanah (tambak) boleh mewujudkan hasil, maka, kita boleh kurangkan (penerbitan) bon-bon itu," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada sidang media selepas penangguhan sesi pagi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di Dewan Sri Pinang dekat sini 7 November lalu.

Turut serta, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Kon Yeow turut memberitahu bahawa beberapa pihak bank perdagangan ada menyatakan minat untuk memberi pinjaman mudah bagi membiayai PSR dan Pelan Induk Pengangkutan (PTMP) di negeri ini, kerana penarafan kredit Kerajaan Negeri adalah 'AAA'.

Sebelum itu, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong dalam sesi soal jawab lisan turut memberi respons kepada ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon berhubung isu berbangkit tersebut.

Ulasnya, Kerajaan Persekutuan mencadangkan Kerajaan Negeri menubuhkan sebuah SPV milik Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan bon RM10 bilion dengan jaminan Kerajaan Persekutuan bagi membiayai kos pembinaan fasa 1 projek transit aliran ringan (LRT).

Pun begitu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga akan memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi semua projek tersebut.

"Projek penambakan PSR akan tetap diteruskan demi menjamin perkembangan serta kelestarian pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang pada masa hadapan," ujarnya.

## Saran kerajaan beri subsidi perkhidmatan bas perantara pelajar

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee menyarankan agar Kerajaan Negeri memberikan subsidi kepada perkhidmatan bas perantaraan bagi menggalakkan pelajar sekolah menggunakan pengangkutan awam.

Katanya, langkah itu juga dapat mengurangkan kos tambahan dikeluarkan ibu bapa pelajar yang terpaksa menggunakan perkhidmatan bas perantaraan Rapid Penang ekoran ketiadaan pengangkutan awam yang menghubungkan kawasan sekitar ke sekolah-sekolah dalam kawasan Berapit.

"Saya pernah menulis surat kepada Rapid Penang untuk meminta perkhidmatan bas bagi laluan tersebut tetapi telah diberitahu bahawa mereka tidak mempunyai bilangan bas yang mencukupi untuk membekalkan perkhidmatan kepada semua sekolah.

"Cadangan lain yang diberi oleh Rapid Penang adalah bas perantaraan seperti yang dilakukan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sama Gagah dengan membayar RM2,000 sebulan untuk sebuah bas pergi dan balik pada setiap hari sekolah, bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar di kawasan tersebut," ujarnya yang juga terkejut apabila PIBG SMK Sama Gagah perlu menanggung kira-kira RM20,000 setahun bagi mendapatkan perkhidmatan bas di laluan kawasan sekolah mereka.

Ketika ditemui media di luar dewan persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-14 dekat Dewan Sri Pinang baru-baru ini, Lee Lee sekali lagi menzahirkan harapan agar Kerajaan Negeri dapat memberikan subsidi bagi perkhidmatan bas perantaraan yang membawa pelajar-pelajar ke sekolah.

Terdahulu ketika menyampaikan ucapan perbahasan Belanjawan 2020 Negeri Pulau Pinang pada 5 November lalu, Lee Lee menyatakan harapan agar permohonan bagi pembinaan laluan pejalan kaki konkrit di sekitar SMK Berapit yang dimohon melalui Jabatan Kerja Raya Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dapat direalisasikan selewat-lewatnya tahun depan.

"Maklum balas Bajet Responsif dan Penyertaan Gender (GRPB) mendapati bentuk jalan yang direka di sekeliling SMK Berapit adalah tidak selamat untuk pejalan kaki.

"Selain itu, di hadapan sekolah itu juga tidak mempunyai lintasan pejalan kaki menyebabkan para pelajar terpaksa berjalan jauh untuk melintas ke Perkampungan Berapit menggunakan jambatan yang mana keadaan ini akan membahayakan keselamatan mereka," ujarnya.

## Pelaburan memberangsangkan, cipta 11,484 peluang pekerjaan baharu

**GEORGE TOWN –** Sebanyak RM9.2 bilion pelaburan dalam sektor pembuatan telah diluluskan oleh agensi Persekutuan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk Pulau Pinang dalam tempoh Januari hingga Ogos tahun ini berbanding RM5.8 bilion keseluruhan pelaburan bagi tempoh sepanjang tahun 2018.

Memetik sumber sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa limpahan pelaburan dalam sektor perindustrian negeri turut diterjemahkan melalui penciptaan 11,484 peluang pekerjaan baharu untuk penduduk Pulau Pinang.

"*investPenang* (iP) menerima peningkatan dalam bilangan pertanyaan daripada syarikat-syarikat asing untuk menubuhkan operasi di Pulau Pinang terutamanya syarikat-syarikat dari negara China.

"Bagi tempoh Januari hingga September 2019, *investPenang* (iP) telah mengadakan pertemuan dengan 108 syarikat yang menunjukkan minat untuk menubuhkan operasi di Pulau Pinang berbanding dengan 71 pertemuan pada tempoh yang sama tahun lepas.

"Oleh yang demikian, perang perdagangan ini bukanlah menjadi penghalang bagi menjana perkembangan ekonomi menerusi kemasukan pelaburan terutamanya dalam bidang teknologi baharu, seperti pengkomersilan 5G, percambahan Industri 4.0, Internet Benda *(Internet of Things)*, Kecerdasan Buatan (AI), *autonomous driving* dan sebagainya," jelasnya ketika menyampaikan ucapan penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-14 di Dewan Sri Pinang dekat sini 8 November 2019.

Penjelasan Ahmad Zakiyuddin adalah sebagai menjawab soalan dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih yang juga Menteri Kewangan Malaysia, Lim Guan Eng.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat memberitahu bahawa sektor pembuatan negeri telah mencatatkan peningkatan dari segi jumlah eksport iaitu sebanyak 1.2 peratus bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019 berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

Bagaimanapun menurutnya, Pulau Pinang secara keseluruhannya dijangka akan terkesan dengan pertumbuhan sektor pembuatan global yang dijangka lebih perlahan.

"Pulau Pinang yang mempunyai pengalaman perindustrian selama lebih 47 tahun dengan kekuatan dalam bidang elektrik dan elektronik (E&E) dijangka menerima impak positif daripada peralihan pelaburan dan peralihan kapasiti pembuatan ini," ujar beliau yang juga ADUN Pinang Tunggal.

Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN Ke-14

# Hasrat bertemu JPA, bincang syor serap 'Wira Oren' ke perjawatan tetap

**GEORGE TOWN -** Garis panduan sedia ada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) perlu dilonggarkan lagi di peringkat Putrajaya, sekiranya Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini berhasrat untuk menyerap 'Wira Oren', iaitu kakitangan kontrak yang bekerja di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ke perjawatan tetap.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy menyatakan bahawa salah satu halangan pekerja kontrak berkenaan tidak boleh diserap ke perjawatan tetap adalah kerana mereka tidak mendapat kredit subjek bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Kita tertakluk kepada syarat JPA yang mengatakan bahawa pengambilan staf sama ada pekerja am atau sebagainya, mesti kredit dengan kepujian dalam bahasa Melayu (iaitu sekurang-kurangnya gred C) dalam SPM.

"Dan kebanyakan 'Wira Oren' MBSP ini tiada SPM, mempunyai rekod kerja yang sangat bagus dalam kerja-kerja 3D (bahaya, kotor dan sukar)… tetapi, mereka tidak boleh diserapkan sebagai pekerja tetap.

"Dalam mesyuarat Exco (Kerajaan Negeri) juga pernah kita bincang mengenai mereka, selepas itu, kita (Kerajaan Negeri melalui kedua-dua pihak berkuasa tempatan, PBT) wujudkan skim pekerjaan kontrak yang akan diperbaharui satu tahun demi satu tahun," jelasnya kepada pemberita seusai menyampaikan ucapan penggulungan Exco dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di Dewan Sri Pinang dekat sini 8 November 2019.

Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi memberitahu bahawa pihaknya mungkin akan membangkitkan sekali lagi dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri berhubung isu perjawatan kontrak membabitkan 'Wira Oren' MBSP dan 'Pekerja 3D' Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kelak.

"Semua pekerja kontrak ini adalah rakyat Malaysia, pekerja yang rajin, tidak ada sebab untuk saya sendiri tidak berbincang dan bawa isu mereka sekali lagi ke mesyuarat Exco.

"Sama ada JPA boleh longgarkan syarat seperti kredit dalam bahasa Melayu di peringkat SPM, kalau diluluskan dalam Mesyuarat Exco, kemudian kita (Kerajaan Negeri) akan tulis surat kepada JPA," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

Sebelum itu, ADUN Bagan Dalam, M. Satees dalam sesi celahan di Dewan, antara lain bertanya Ramasamy sama ada Kerajaan Negeri berhasrat atau tidak untuk menyerap staf kontrak 'Wira Oren' MBSP ke perjawatan tetap.

"Kalau Wira Oren bekerja kontrak dalam satu tahun atau dua tahun, saya boleh faham mengenai kedudukan perjawatan kontrak mereka.

"Tapi, ada Wira Oren memang bekerja begitu rajin, dan telah kerja begitu lama dengan MBSP sehingga lebih lapan tahun, dengan perjawatan kontrak mereka kalau terjadi perkara yang tidak diingini ketika menjalankan kerja-kerja 3D, saya sendiri tidak dapat membayangkan bagaimana nasib mereka serta keluarga mereka.

"Jadi, ingin saya bertanya kepada YB Perai, adakah pada masa hadapan kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) ada perancangan untuk 'Wira Oren' yang berjawatan kontrak, kepada jawatan tetap," soal beliau.

# EMF selamat, tidak jejaskan kesihatan – Exco

**PADANG KOTA –** Kajian mendapati bahawa kesan *electromagnetic field* (EMF) oleh struktur pemancar telekomunikasi terhadap sistem biologi adalah disahkan selamat.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari susulan bantahan aman di hadapan Dewan Sri Pinang oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhubung pembinaan dua pemancar telekomunikasi dekat Tanjung Bunga dan Persiaran Karpal Singh di sini.

Zairil berkata, sepanjang 30 tahun, sebanyak 24,000 kajian telah dibuat mengenai kesan EMF, malah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut mendedahkan EMF daripada struktur pemancar menara telekomunikasi adalah tidak menjejaskan kesihatan manusia.

"Fakta ini turut disokong oleh Kementerian Kesihatan (KKM) yang menyatakan bahawa tiada bukti saintifik yang meyakinkan untuk mengaitkan risiko radiasi terhadap kesihatan.

"Menurut Agensi Nuklear Malaysia pula, sinaran yang dikeluarkan oleh struktur pemancar telekomunikasi dikategorikan sebagai sinaran tidak mengion (*non-ionizing ray*).

"Dalam erti kata lain, sinaran ini bertenaga rendah dan tidak boleh menyebabkan pengionan (*ionization*) dalam badan manusia dan langsung tiada kaitan dengan sinaran radioaktif. Maka, ia adalah selamat dan mematuhi piawaian antarabangsa ICNIRP (*International Commission on Non-Ionising Radiation Protection*) dan WHO," ujarnya dalam satu sidang media di sini 5 November lalu.

Hadir sama, Ketua Pejabat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Wilayah Utara, Rizal Abd. Malek dan Zainudin Yusof (Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawangan Kawal Selia Radiasi Jabatan Kesihatan Negeri (JKN).

Mengulas lanjut berkenaan isu rundingan dengan penduduk kawasan yang terlibat, Zairil menjelaskan bahawa keperluan berkenaan adalah tidak terdapat dalam tatacara pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi kategori pembinaan struktur pemancar telekomunikasi.

"Malah, MCMC berpendapat keperluan ini tidak diperlukan kerana struktur tersebut sepatutnya dianggap sebagai (infrastruktur) asas seperti tiang lampu atau lampu isyarat.

"Sebagai makluman, Garis Panduan Pembinaan Menara Telekomunikasi, Struktur Sistem Pemancar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menetapkan jarak minimum struktur dari bangunan terdekat bagi menara bawah daripada 45m (meter) tinggi adalah sejauh 20m," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga.

Dalam pada itu, Zainudin memberitahu bahawa radiasi yang terhasil melalui frekuensi radio (RF) adalah terlalu rendah dan tidak memberikan kesan kepada kesihatan manusia.

"RF adalah sumber dari *non-ionizing ray* yang mana tenaga dihasilkan itu terlalu rendah, malah apabila bertindak balas dengan air ia tidak menghasilkan gangguan, maknanya tidak ada elektron dikeluarkan dari orbit sistem atom tersebut.

"Oleh itu, sel-sel tubuh badan manusia tidak akan terjejas dan tidak akan berlaku perubahan terhadap sifat-sifat kimia dan tindak balas terhadap DNA, serta kesan sampingan," ulas beliau.

## Kerajaan Negeri belanja RM232 juta selenggara skim perumahan awam dan swasta

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang telah membelanjakan RM232 juta untuk tujuan penyelenggaraan skim-skim perumahan di negeri ini sejak 2008 hingga September lalu.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, jumlah tersebut adalah melibatkan penyelenggaraan bagi skim perumahan awam, skim perumahan swasta dan skim perumahan di bawah seliaan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini.

"Bagi perumahan awam Kerajaan Negeri, sebanyak 20,067 projek telah dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM178,858,934.57 sehingga September lalu.

"Antara kerja-kerja yang dijalankan termasuk penyelenggaraan awam, elektrik dan mekanikal, penyelenggaraan sistem pembentungan, pembaikan lampu koridor, pemotongan pokok, pembaikan bumbung, penurapan jalan, cat semula bangunan, pembersihan dan keselamatan," katanya semasa Sesi Soal Jawab Lisan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 1 November lalu.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan dikemukakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong yang meminta penjelasan berhubung peruntukan penyelenggaraan perumahan oleh Kerajaan Negeri bagi skim perumahan awam dan perumahan swasta yang layak di negeri ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat menjelaskan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan bagi skim perumahan di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula adalah sebanyak 8,129 projek melibatkan peruntukan berjumlah RM22,012,050.79.

"Sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin dan mengutamakan kepentingan rakyat, maka penyelenggaraan skim perumahan swasta juga terus diberikan bantuan dengan kos berjumlah RM32,015,256.08 melibatkan 370 projek yang diluluskan sehingga September lalu," jelasnya.

# Kerajaan Negeri pandang serius isu kuari haram

**GEORGE TOWN –** Bagi menangani isu berkaitan pengoperasian kerja-kerja tanah dan kuari secara haram di negeri ini, Kerajaan Negeri telah mewartakan Kaedah-Kaedah Kuari Pulau Pinang 2018 di bawah Kanun Tanah Negara pada 1 Julai 2019 lalu.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, berdasarkan kaedah tersebut jelas dinyatakan bahawa di bawah Perkara 19 (3), mana-mana pengusaha kuari yang telah beroperasi sebelum 26 Mei 2010 hanya perlu mengemukakan pelan kerja tanah kepada pihak berkuasa tempatan untuk tujuan kelulusan dan kawalan.

"(Dan) mana-mana kuari yang beroperasi selepas tarikh tersebut (26 Mei 2010), pengusaha kuari perlu mengemukakan kebenaran merancang dan pelan kerja tanah serta wajib mendapatkan lesen atau permit.

"Walaupun ia merupakan tanah kelas satu dan tidak perlu membayar premium, tetapi permit (pengoperasian) masih diperlukan dan Kerajaan Negeri memandang serius hal ini," ujarnya dalam Sesi Soal Jawab Lisan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas di Dewan Sri Pinang dekat sini 6 November lalu.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberi respons terhadap soalan tambahan ADUN Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim yang meminta supaya Kerajaan Negeri mengekang kerja-kerja tanah yang tidak terkawal secara haram di negeri ini.

Perkara tersebut turut mendapat perhatian Ketua Pembangkang yang juga ADUN Sungai Dua, Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Noor yang menyuarakan kebimbangan berhubung aktiviti kuari yang didakwa beroperasi berhampiran Empangan Teluk Bahang dekat sini.

Mengulas mengenai kebimbangan tersebut, Kon Yeow memberitahu bahawa kuari yang dimaksudkan tersebut sebenarnya jauh dari kawasan empangan.

"Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil tindakan sewajarnya termasuk mengeluarkan perintah supaya menghentikan operasi," katanya.

Manakala, sebagai respons terhadap cadangan ADUN Bagan Dalam, M. Satees, Kon Yeow memaklumkan bahawa pengambilalihan tanah milikan swasta bukan suatu proses yang mudah malah melibatkan kos yang sangat tinggi.

"Bukan mudah untuk Kerajaan Negeri mengambil alih tanah kuari kerana ia melibatkan kos yang sangat tinggi.

"Sebaliknya, pemilik tanah boleh bekerjasama dengan syarikat-syarikat pelancongan untuk memajukan kawasan tersebut sebagai kawasan ekopelancongan di negeri ini," ulasnya mengenai cadangan pengambilalihan kawasan kuari terbiar oleh Kerajaan Negeri untuk dijadikan kawasan ekopelancongan seperti di Bukit Katak, Tasek Gelugor.

Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN Ke-14

# Tiada tangkapan pelancong asing hidap penyakit berjangkit

**GEORGE TOWN –** Tiada sebarang tangkapan atau kompaun dikenakan di bawah Akta Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 ke atas pelancong asing yang menghidap penyakit berjangkit di negeri ini.

Mengulas lanjut, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata, ia adalah berikutan pelancong yang dikesan dijangkiti penyakit berjangkit telah diberikan rawatan sebelum dibenarkan pulang ke negara asal.

"Di bawah kawalan pihak berkuasa Imigresen pula, mana-mana pelancong asing yang dikesan menghidap penyakit berjangkit akan ditahan dan dihalang daripada memasuki Pintu Masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (PIA) melalui Notis Penolakan Masuk di bawah Akta Imigresen 1959/1963 Seksyen 83," katanya pada Sesi Soalan Lisan Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-14 di sini 7 November lalu.

Abdul Halim menyatakan demikian ketika membacakan jawapan mewakili Exco



ABDUL Halim Hussain.

Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin sebagai menjawab soalan dikemukakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee.

Dalam pada itu, Abdul Halim memberitahu bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sedang mengambil inisiatif untuk menyediakan logistik kepada pesakit-pesakit tuberkulosis (TIBI) yang kurang berkemampuan di negeri ini.

Menurutnya, inisiatif itu bertujuan memudahkan pesakit menjalani rawatan serta mengambil ubatan secara harian di klinik sehingga tamat tempoh rawatan.

"Usaha ini merupakan langkah prihatin kepada pesakit TIBI bagi mengelakkan keciciran waktu menjalani rawatan.

"Selain itu, beberapa pendekatan lain turut diambil bagi mengelakkan penularan penyakiti TIBI di negeri ini seperti penyebaran maklumat serta langkah-langkah bagi mengelakkan jangkitan menerusi stesen radio Mutiara FM.

"Ceramah-ceramah kesedaran mengenai penyakit TIBI juga dilaksanakan di sekolah-sekolah selain program-program rasmi anjuran jabatan atau agensi kerajaan," kata beliau sebagai respons kepada cadangan ADUN Sungai Dua, Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Noor.

Muhamad Yusoff sebelum itu mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah untuk memaklumkan kepada masyarakat di negeri ini tentang bahaya penyakit TIBI.

## DMP demi kaji semula sistem perparitan seluruh negeri

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang setakat ini telah membelanjakan RM5,247,633.54 untuk menghasilkan Pelan Induk Tebatan dan Saliran Mesra Alam (DMP).

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, langkah mewujudkan *Drainage Master Plan* (DMP) tersebut mengambil kira keamatan hujan yang terlalu tinggi akibat daripada perubahan iklim belakangan ini.

"Purata taburan hujan tahunan di negeri ini telah meningkat dengan mendadak.

"Pada tahun 1990 hingga 1999, purata taburan hujan tahunan adalah 31 milimeter (mm) dalam sejam; bagi tahun 2000 hingga 2009 (146mm) sejam dan bagi tahun 2010 hingga 2018 (180mm sejam).

"Dengan peningkatan sebanyak enam kali ganda daripada 31mm sejam pada tahun 1990-an kepada 180mm sejam sekarang, infrastruktur perparitan dan saliran sedia ada di negeri ini sudah pasti tidak dapat menampung jumlah hujan yang diterima.

"(Justeru), Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula sistem perparitan di seluruh negeri dan merangka DMP," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga ketika menyampaikan ucapan penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di Dewan Sri Pinang dekat sini pada 7 November 2019.

Sehingga kini, tambah Zairil, terdapat 25 projek dalam proses pelaksanaan dan perancangan yang merujuk kepada DMP berkaitan.

"DMP yang dihasilkan ini turut mengguna pakai garis panduan dan konsep-konsep yang terkandung dalam Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) serta dijadikan rujukan rasmi bagi perancangan serta pembangunan di kelima-lima daerah.

"Nilai tambahan yang diperoleh daripada DMP ini adalah keberkesanan perancangan infrastruktur saliran serta impak yang positif terhadap alam sekitar, sekiranya diikuti dengan betul," ujarnya.

## LKIM akan siasat jika ada nelayan dipaksa anti PSR - Muhammad Faiz

**GEORGE TOWN -** Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata bahawa pihaknya akan menyiasat dakwaan pihak nelayan dipaksa untuk menentang pelaksanaan Projek Tambak Laut Perairan Selatan Pulau Pulau Pinang (PSR).

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir memberitahu bahawa persatuan nelayan terbabit akan dipanggil oleh LKIM untuk memberi penjelasan lanjut sekiranya dakwaan yang diterimanya itu mempunyai asas.

"Berdasarkan maklumat ini, saya akan meminta pegawai LKIM untuk menyiasat dakwaan ini.

"Sekiranya benar ada tindakan sedemikian, tindakan yang sewajarnya akan diambil. Pihak persatuan akan dipanggil untuk memberi penjelasan," jelasnya ketika dihubungi pemberita di sini pada 7 November lalu.

Pada 5 November lalu, selepas menyertai sesi perbahasan Belanjawan 2020 Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang dekat sini, beliau diminta respons mengenai dakwaan ada anggota unit nelayan di Batu Maung dipaksa untuk membantah PSR yang sedang dilaksana oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang demi membiayai kos pemajuan dan belanja operasi beberapa projek di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

Tegas Muhammad Faiz, paksaan sebegitu, jika benar-benar wujud, patut tidak berlaku memandangkan pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telahpun memberi ruang kebebasan bersuara begitu luas, termasuk menerima memorandum bantahan daripada kelompok nelayan yang tidak bersetuju dengan cadangan-cadangan Kerajaan bagi projek PSR dan PTMP.

Mengulas lanjut, menurut beliau, wakil Kerajaan Negeri pada 4 November lepas turut menerima memorandum bantahan PSR di perkarangan luar Dewan Sri Pinang.

"Pihak LKIM tidak mahu berlaku perkara salah tadbir urus dalam persatuan-persatuan yang sepatutnya menjaga kebajikan serta membantu mengubah taraf hidup ahli-ahli mereka.

"Kita seharusnya menerima dan menghormati hak serta kebebasan bersuara.

"Mereka yang bebas membantah projek PSR juga perlu menghormati pandangan orang lain yang menyokong projek tersebut," serunya.

Selain itu, Muhammad Faiz memberitahu bahawa beliau percaya pihak Kerajaan Negeri tidak akan meminggirkan komuniti nelayan.

"Pada masa ini, saya percaya, masih ada ruang berbincang bagi mencapai penyelesaian 'menang-menang' bagi kedua-dua pihak," ujarnya.

## Laksana Fasa 2 projek rumah awam Wakaf Setee Aishah, termasuk bekalan rumah kos rendah

**GEORGE TOWN -** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 18 Ogos 2019 telah memulakan projek perumahan fasa kedua Taman Wakaf Setee Aishah dekat Seberang Jaya, dengan anggaran kos sebanyak RM186 juta.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat berkata, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Dr. Mujahid Yusoff Rawa yang melancarkan projek pemajuan dengan usahasama (JV) dengan syarikat pemaju UDA.

"UDA telah dilantik untuk memajukan Taman Wakaf Setee Aishah (Fasa 2) di atas tanah Wakaf Setee Aishah Lot 200, 252 & 3117, Seberang Jaya, Mukim 4, Pulau Pinang seluas 7.32 ekar.

"Pelan Tatasusunan Projek dengan cadangan 384 unit pangsapuri 10 tingkat, Rumah Pangsa Kos Rendah (10 unit), kedai (13), ruang pejabat (20), sebuah surau dan dewan serbaguna telah disediakan oleh pihak UDA," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal ketika menyampaikan ucapan penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di Dewan Sri Pinang dekat sini pada 8 November 2019.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, pihak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini menerusi MAINPP akan terus melihat potensi baru dalam pembangunan wakaf berkenaan seperti menggunakan konsep Wakaf Al Isthismar iaitu Wakaf Pelaburan seperti yang dilakukan di Selatan Thailand dan Wakaf Ardhul Mawat iaitu wakaf menghidupkan tanah yang terbengkalai atau tidak diusahakan.

"Usaha pembangunan wakaf ini juga akan terus dioptimumkan dengan penggunaan teknologi terkini seperti "*blockchain*" yang membolehkan sebuah *ledger* digital mengandungi urus niaga dikongsi dan diedarkan tanpa penggantungan terhadap badan pusat.

"InsyaAllah dengan bantuan semua pihak termasuk pakar dan ahli akademik, akan mampu menjadikan Pulau Pinang sebagai Hab Wakaf Antarabangsa," ujarnya.

Ahmad Zakiyuddin dalam pada itu turut memberitahu anggota persidangan Dewan bahawa MAINPP juga akan membangunkan projek di atas Lot 1396 & 1606 (Wakaf Sheikh Eusoff), Seksyen 5, Jalan Air Itam, sPulau Pinang.

"Pembangunan ini merangkumi 391 unit pangsapuri kos sederhana rendah, pangsapuri kos sederhana (1,305), kedai (14), kedai pejabat (56), pusat penjaja (66), surau, dewan dan rumah anak yatim.

"Projek ini dijangka bernilai kira-kira RM150 juta... malah, pembangunan juga tidak akan sama sekali mengetepikan golongan kurang berkemampuan," katanya.

Tambah beliau, MAINPP akan melaksanakan cadangan pembinaan di atas Lot 496, Mukim 4, Bagan Lalang dekat daerah Seberang Perai Utara (SPU) iaitu bangunan rumah kedai yang dijangka mampu memberikan pulangan sekurang-kurangnya sebanyak RM25 juta, serta cadangan pembangunan 400 unit rumah di atas Lot 208, Seksyen 2, Butterworth, Seberang Perai Utara," ujarnya.

Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN Ke-14

# Pulau Pinang kekal destinasi perubatan terunggul negara

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang kekal sebagai destinasi perubatan terunggul dalam negara dengan menyumbang sebanyak 61 peratus hasil pendapatan perubatan dalam kalangan negeri-negeri di Malaysia berjumlah RM567.2 juta.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin berkata, jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 8.7 peratus berbanding tahun 2017.

Menurut Soon Hin, bagi tahun ini, data *Penang Center of Medical Tourism* (P.MED) dari Januari hingga Jun lalu menunjukkan bahawa bilangan pesakit asing telah meningkat sebanyak 12.52 peratus dan hasil pendapatan juga meningkat, 15.57 peratus.

"Bagi memastikan negeri ini terus menjadi destinasi pertama pelancongan perubatan di Malaysia dan terunggul di rantau Asia, beberapa pendekatan telah diambil iaitu antaranya penubuhan P.MED pada tahun 2015 untuk meningkatkan daya saingan sektor perubatan di Pulau Pinang ke tahap antarabangsa.

"Kita (Pulau Pinang) turut menganjurkan *roadshow* dan sesi rangkaian *networking* ke destinasi sasaran terutamanya penembusan pasaran-pasaran baharu di Indonesia seperti Bandung, Kalimantan, Makassar, Palembang dan Surabaya melalui lawatan serta ikatan (B2B dan B2C) serta ke bandar taraf kedua dan ketiga (China dan Timur Tengah).

"Inisiatif lain yang diambil ialah menumpukan kepada pemasaran bukan tradisional seperti pemasaran digital dan radio serta menjalankan perbincangan dengan syarikat-syarikat penerbangan supaya menambah penerbangan terus ke Pulau Pinang," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan diajukan ADUN Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Soon Hin memberitahu bahawa penganjuran Tahun Pelancongan Kesihatan Malaysia 2020 yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan turut menyokong sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang.

"Tahun Pelancongan Kesihatan Malaysia 2020 adalah salah satu daripada program *Visit Malaysia 2020* (VM2020) yang mana kempen ini bertujuan memperkukuhkan kedudukan utama negara sebagai destinasi pelancongan perubatan di rantau ini.

"Pulau Pinang, sebagai pasaran pelancongan perubatan yang terbesar di Malaysia pasti akan dapat manfaat daripada kempen ini secara maksimum," jelasnya.

## Teroka teknologi baharu industri pengeluaran makanan dan produk halal

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui *Penang International Halal Hub* (PIHH) sedang meneroka dan memperkenalkan konsep teknologi baharu iaitu *"blockchain"* dalam industri pengeluaran makanan dan produk kegunaan halal di negeri ini.

Menurut Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain, teknologi berkaitan adalah berpotensi meningkatkan integriti terhadap pensijilan produk halal di negara ini.

"Langkah ini sekaligus menawarkan nilai tambah kepada pemasaran produk halal tempatan yang berkualiti tinggi ke peringkat antarabangsa," katanya semasa Sesi Penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-14 dekat Dewan Sri Pinang di sini 7 November lalu.

Tambah Abdul Halim, PIHH turut merancang usahasama dengan industri halal di Selangor bagi diiktiraf sebagai ahli dalam *Muslim Friendly Halal Excellence* (MFHE) *Ecosystem* yang bertujuan memperluas rangkaian perdagangan global halal serta potensi pelaburan.

"MFHE Ecosystem merupakan platform antarabangsa strategik yang boleh membantu syarikat halal tempatan memperkasakan produk serta perkhidmatan ke arah berdaya saing di peringkat global melalui medium dagangan seperti e-komersil, padanan perniagaan, pelancongan dan promosi.

"Selain itu, penganjuran Pameran Perdagangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) juga akan diteruskan dengan beberapa penambahbaikan," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung memaklumkan bahawa jumlah permohonan pensijilan halal dalam kalangan pemain industri meningkat kepada 1,215 sehingga Ogos lalu berbanding hanya 55 pada 2008.

"Sektor kenaikan ini merangkumi produk makanan, premis makanan, hotel, bahan gunaan, farmaseutikal, kosmetik, rumah sembelihan dan logistik.

"PIHH bersama Bahagian Pengurusan Halal Pulau Pinang juga turut memberikan khidmat fasiliti kepada syarikat dari luar negara termasuk Belgium, Jepun, Itali, Korea Selatan dan Australia bagi mendapatkan pensijilan halal," jelasnya.

## Pembangunan struktur sukan elektronik, Kerajaan Negeri kenal pasti pelabur berpotensi

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) sedang giat mengenal pasti pelabur-pelabur yang berpotensi dalam industri *e-Sports* terutamanya bagi pembangunan struktur sukan elektronik berkaitan.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, dengan mengambil kira *e-Sports* yang merupakan terminologi baharu, maka pihak Kerajaan Negeri tiada halangan untuk mempertimbangkan pengeluaran lesen berlandaskan undang-undang sedia ada.

"Pusat *e-Sports* masih belum ditetapkan lagi dan lazimnya ia lebih tertumpu kepada kafe internet atau kafe siber.

"Kita (Kerajaan Negeri) tiada halangan untuk mempertimbangkan pengeluaran lesen, namun langkah-langkah pencegahan penyalahgunaan lesen tersebut perlu diperkemaskan dari semasa ke semasa," ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 6 November lalu.

Sejajar dengan perkembangan sukan elektronik berkaitan yang semakin popular dalam kalangan anak-anak muda, Lip Chee memberitahu bahawa pemilihan pertama atlet *e-Sports* telah dilaksanakan.

"Program persediaan *e-Sports* negeri Pulau Pinang untuk ke Sukan Malaysia (SUKMA) Johor 2020 telah dirancang dan dianjurkan oleh PYDC serta Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

"Pemilihan pertama untuk acara *Pro Evolution Soccer* (PES) dan Mobile Legend telah dianjurkan September lalu, manakala acara *Defense Of The Ancients* (DOTA) 2 pada Disember ini.

"Selepas program tersebut, MSNPP akan mengemaskini senarai atlet terpilih yang akan membentuk skuad Pulau Pinang di SUKMA Johor 2020," jelasnya sambil memaklumkan bahawa elaun atlet *e-Sports* negeri akan mula dibayar selepas pemilihan dan insentif kecemerlangan juga akan dianugerahkan sama seperti sukan lain di bawah program Skim Insentif Kecemerlangan Sukan (SKIMAS) Negeri Pulau Pinang.

Difahamkan, *e-Sport* julung kali bakal dipertandingkan pada penganjuran SUKMA dan antara kejohanan yang akan berlangsung membabitkan PES, *Mobile Legend* dan DOTA 2.

## Sidang Muda peluang belia bersuara, usul penglibatan komuniti ditingkatkan

**GEORGE TOWN –** Langkah Sidang Muda mengemukakan usul penetapan kuota 30 peratus untuk belia dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) baru-baru ini memberi gambaran jelas mengenai suara golongan belia.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, setakat ini penglibatan belia sebagai Ahli Majlis di kedua-dua PBT adalah kurang daripada 10 peratus, manakala penglibatan belia di bawah umur 35 tahun dalam jawatankuasa MPKK baru mencecah 18 peratus.

"Penglibatan belia dalam MPKK boleh mengeratkan hubungan di antara belia dengan komuniti yang boleh dijadikan sebagai platform untuk melatih ciri-ciri kepimpinan dalam kalangan belia.

"Selain itu, ilmu dan kemahiran melalui pengendalian jawatankuasa serta penganjuran program boleh dipraktikkan, dan pada masa sama, golongan belia boleh menggunakan peluang ini untuk menyumbang kepada komuniti melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

"Justeru, peningkatan belia dalam jawatankuasa MPKK dipercayai boleh meningkatkan penglibatan mereka dalam komuniti, mempraktikkan kepimpinan serta memberi input dan idea-idea baharu kepada MPKK," ujar beliau pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 6 November lalu.

Menurut Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, cadangan tersebut merupakan usul yang dikemukakan oleh pihak kerajaan (Sidang Muda), manakala pihak pembangkang telah mencadangkan agar pengubalan dasar *'Zero School-Drop Out'* atau Sifar Cicir Murid di Pulau Pinang diadakan bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah.

"Usul-usul yang dikemukakan ini telah membuktikan bahawa golongan belia telah bersuara tentang kepimpinan dan pendidikan," jelasnya.

Dalam pada itu, bagi meningkatkan kemahiran golongan belia, Lip Chee memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang berbincang dengan beberapa syarikat swasta untuk menjalinkan kerjasama bagi menawarkan biasiswa kepada golongan berkenaan di bawah umur 30 tahun.

## Pusat penyelidikan dan pembangunan produk bantu usahawan kecil kembangkan perniagaan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang disaran mengkaji penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan produk sebagai usaha membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata, usaha tersebut dapat membantu usahawan PKS mereka cipta produk-produk baharu.

"Perbelanjaan untuk tujuan ini sememangnya sangat tinggi iaitu kira-kira RM20 juta, tetapi Kerajaan Negeri mungkin boleh mempertimbangkan permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Pusat ini boleh membangunkan produk reka cipta baharu seperti *Internet of Things* (IoT) *gateway*, peranti perubatan, kereta api serta aeroangkasa selain elektrik dan elektronik (E&E).

"Ia juga bertepatan dengan era digital ekonomi dan cadangan pembangunan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang mana Pulau Pinang sebenarnya mempunyai bakat sedia ada bagi memenuhi hasrat penubuhan pusat ini.

"Justeru, melalui penubuhan pusat ini, kita mampu mengekalkan bakat-bakat sedia ada dan secara tidak langsung dapat menjamin kelestarian Pulau Pinang sebagai negeri berteknologi tinggi di Asia Timur," katanya pada Sesi Penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Neger (DUN) Ke-14 dekat Dewan Sri Pinang di sini 7 November lalu.

Terdahulu, Abdul Halim menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri merangka pelbagai strategi bagi membantu perkembangan usahawan PKS dalam mengatasi permasalahan serta kelemahan termasuk mengadakan kursus-kursus pembangunan usahawan, khidmat nasihat dan sebagainya.

Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN Ke-14

# Pertambahan hasil melalui kenaikan cukai taksiran dikembalikan semula kepada rakyat

**GEORGE TOWN –** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa pertambahan hasil melalui kenaikan cukai taksiran akan dikembalikan semula kepada rakyat melalui pelaksanaan pelbagai projek pembangunan.

Menurutnya, dalam menuju negeri pintar selaras 'Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara', perbelanjaan bagi pengurusan bandar akan meningkat dan secara tidak langsung mempengaruhi kos pembangunan sedia ada.

"Pasaran hartanah dalam beberapa jenis pembangunan di negeri ini mengalami perubahan pasaran yang semakin positif berbanding 15 tahun lalu.

"Selain itu, pasaran sewa skim kediaman kini khususnya telah mengalami perubahan peningkatan kadar sewa sekitar 15 hingga 30 peratus berbanding 2005.

"Justeru, pertambahan hasil melalui kenaikan cukai taksiran adalah rasional bagi memastikan penyediaan perkhidmatan pembandaran, perancangan pembangunan serta infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak rakyat dapat dicapai," katanya pada Sesi Penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 dekat Dewan Sri Pinang di sini 7 November lalu.

Tambah Jagdeep, terdapat 54,459 bantahan atau 16.88 peratus daripada 322,549 pegangan diterima oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), manakala Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sebanyak 40,666 atau 12.42 peratus daripada 327,401 pegangan.

Menurut beliau, alasan tertinggi diterima kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan pula adalah melibatkan aspek masalah kewangan, kegawatan ekonomi semasa serta kenaikan cukai baru yang agak tinggi berbanding cukai sedia ada.

"Setiap pembantah telah dijemput menghadiri sesi Pendengaran Bantahan dikendalikan Jawatankuasa Bantahan Senarai Nilaian Baharu pada 29 Oktober lalu di Seberang Perai dan bahagian pulau.

"Hanya bantahan yang berasas dan menepati peruntukan di bawah Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 akan disiasat dan keputusan mengenainya akan dimaklumkan kepada setiap pembantah melalui surat rasmi yang dijangka dapat diselesaikan pada Mac 2020," jelasnya.

Terdahulu, Jagdeep menerangkan bahawa semakan semula Cukai Taksiran melalui penyediaan Senarai Nilaian baharu bagi kedua-dua PBT ekoran Senarai Nilaian sedia ada tidak disemak semula sejak 14 tahun lalu.

Tambah beliau, menurut peruntukan Seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976, penyediaan Senarai Nilaian baharu adalah perlu kerana melewati tempoh lima tahun.

"Hal ini bermakna kedua-dua PBT negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) telah melanjutkan Senarai Nilaian sedia ada sebanyak tujuh kali sejak 2005 berdasarkan peruntukan Seksyen 137(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171),'' katanya.

# JPWK berjaya, terus perkasakannya!

**GEORGE TOWN –** Sejak Kerajaan Negeri meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) pada 1 Januari 2019 sehingga kini, sejumlah 248 program telah berjaya dilaksanakan.

Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keretangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, penganjuran program-program berkaitan bukan hanya memfokuskan kepada aspek pembangunan wanita malah turut terlibat adalah pembangunan komuniti, kekeluargaan, keusahawanan, kesihatan, kapasiti dan ekonomi.

"Sehingga kini, seramai 59,600 peserta program telah menerima manfaat yang mana 63 peratus adalah golongan wanita dan lelaki (37 peratus).

"Oleh itu, saya amat bersetuju dengan cadangan YB Berapit (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Berapit, Heng Lee Lee) dan YB Pulau Betong (ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail) untuk terus memperkasakan JPWK tahun hadapan.

"Hal ini kerana, saya melihat program-program yang dianjurkan telah membuka ruang kepada wanita untuk tampil ke hadapan malah turut mendapat perhatian daripada pihak media.

"Syabas, saya ucapkan atas kejayaan JPWK walaupun dalam tempoh masa singkat penubuhannya," zahirnya ketika menyampaikan ucapan penggulungan pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Menurut Chong Eng, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan kepimpinan dalam kalangan wanita supaya dapat memberi perkhidmatan lebih meluas di peringkat komuniti.

"Di bawah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) juga, program-program pembangunan kepimpinan melibatkan 418 ahli JPWK serta bengkel lanjutan turut dijalankan untuk meningkatkan keupayaan kepimpinan ahli-ahli JPWK.

"Bengkel *Training of Trainer* (ToT) juga diadakan sebagai persediaan membina satu pasukan jurulatih yang dapat mengendalikan bengkel-bengkel kepimpinan kepada akar umbi kelak," katanya.

Dalam ucapan penggulungan, ADUN Padang Lalang itu turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana meluluskan peruntukan sebanyak RM200,000 dalam Belanjawan 2020 untuk mempergiatkan agenda keterangkuman gender.

"Kerajaan Negeri sentiasa percaya bahawa keterangkuman gender adalah asas keadilan sosial.

"(Dan) saya amat berbesar hati apabila terdapat beberapa agensi kerajaan dan jabatan memohon untuk mengadakan taklimat berhubung Dasar Keterangkuman Gender.

"Malah, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menubuhkan Unit Keterangkuman Gender yang pertama di Malaysia sebagai unit pelaksana dasar ini di MBSP, syabas kepada Datuk Bandar!

"Saya yakin semua, malah sesi bersifat partisipasi yang diadakan di 33 jabatan dan agensi kerajaan berkaitan dapat dikumpul serta diterbitkan menjelang suku pertama tahun 2020 nanti," jelasnya.

# Tegas tolak permohonan ubah syarat tanah pertanian kepada pembangunan lain

**PADANG KOTA –** Kerajaan Negeri menolak sekeras-kerasnya sebarang permohonan perlingkungan semula atau permohonan ubah syarat tanah daripada kawasan pertanian (jelapang padi) kepada kawasan pembangunan lain.

Perkara tersebut dinyatakan pada jawapan Soalan Bertulis Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Dr. Afif Bahardin yang dibacakan oleh Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Jawapan berkaitan dibacakan pada Ucapan Penggulungan Sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Pulau Pinang Keempat Belas baru-baru ini bagi menjawab pertanyaan ADUN Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim.

"Untuk makluman Yang Berhormat (Sungai Acheh), Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri sentiasa komited untuk tidak menyokong sebarang permohonan perlingkungan semula atau permohonan ubah syarat tanah daripada kawasan pertanian kepada kawasan pembangunan lain khasnya bagi kawasan jelapang padi Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan di bawah Warta Taliair.

"Selain itu, kawasan penanaman padi juga telah diwartakan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP).

"Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga akan memperketatkan lagi aktiviti penguatkuasaan berkaitan tambakan tanah sawah melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan mengambil tindakan perundangan terhadap pemaju yang menambak tanah sawah tanpa sebarang kelulusan," jawap Afif yang juga ADUN bagi Seberang Jaya.

Ketiadaan Afif pada persidangan kali ini telah dimaklumkan kepada Ketua Menteri berikutan beliau sedang menjalani program *Professional Fellowship* di Amerika Syarikat atas jemputan rasmi *American Council of Young Political Leaders* dan Jabatan Negara Amerika Syarikat.

Mengulas lanjut, Afif menyatakan bahawa dalam memperkasakan lagi sektor pertanian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang memperuntukkan RM200,000 di bawah peruntukan pembangunan negeri bagi membangunkan industri pemprosesan makanan.

"Secara ringkas *Wolbachia* ialah bakteria yang dimasukkan ke dalam telur nyamuk *Aedes-Aegypti* supaya nyamuk yang menetas akan dijangkiti dengan bakteria tersebut bagi membendung jangkitan denggi kepada manusia.

"Tuntas itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengerakkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di kawasan masing-masing dengan menjalankan aktiviti gotong-royong secara berkala selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang tidak pernah berputus asa melawan denggi," serunya.

# Pusat Transit Gelandangan, kontraktor telah disenarai pendek

**PADANG KOTA –** Sebagai sebuah negeri berkebajikan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersetuju meningkatkan sumbangan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) daripada RM130 kepada RM150 pada tahun depan.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, kenaikan tersebut memberi manfaat kepada 178,000 warga emas dan 10,000 OKU di negeri ini.

"Selain itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta melalui Belanjawan 2020 untuk meneruskan program iSejahtera pada tahun depan," ujarnya pada Sesi Penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 dekat Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Boon Poh berkata bahawa Kerajaan Negeri telah menetapkan prosedur operasi standard (SOP) dalam pemilihan produk-produk Mutiara Food Bank bagi memastikan kualiti benar-benar terjamin.

"Pihak Mutiara Food Bank juga sudah berbincang dengan beberapa pasar raya terlibat untuk memastikan kualiti barangan makanan yang diagihkan lebih baik dari semasa ke semasa," katanya semasa menjawab soalan dikemukakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan.

Tambah beliau, sehingga kini, seramai 35,000 penerima terdiri daripada asnaf, ibu tunggal, anak yatim mendapat manfaat daripada program berkaitan.

Menyentuh isu gelandangan, Boon Poh memberitahu bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menyenarai pendek kontraktor bagi membina sebuah Pusat Transit Gelandangan yang dicadangkan di Jalan C.Y. Choy.

"Sekiranya urusan ini berjalan lancar, pembinaan pusat transit boleh dipercepatkan pada bulan Disember ini atau sebelum berakhir Januari 2020," jelasnya sambil menambah bahawa seramai 559 gelandangan di negeri ini berjaya diselamatkan sehingga September lalu.

Mengulas lanjut, Boon Poh memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga melaksanakan larangan penggunaan bekas polistirena melalui kempen 'Katakan Tidak Kepada Plastik Sekali Guna dan Penyedut Minuman Plastik' selain menjalankan Dasar Pengasingan Sisa di Punca.

"Langkah-langkah berkaitan alam semula jadi pula adalah melaksanakan Program Pengurusan Hutan Secara Lestari dengan mengekalkan kawasan hutan sedia seluas 5,100.93 hektar, penanaman 275,000 pokok di seluruh negeri dan memperkenalkan Pensijilan Pejabat Hijau Pulau Pinang sebagai inisiatif pengurangan pelepasan karbon dan penjimatan tenaga," ujarnya.

# Pulau Pinang ikon bandar pintar dalam negara – Menteri



ZURAIDA Kamaruddin, Jagdeep Singh Deo dan barisan tetamu kehormat merakam gambar kenangan bersempena penganjuran Konvensyen Pemerkasaan PBT 2019 di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**PANTAI JEREJAK –** Pulau Pinang diharap menjadi ikon negeri maju melalui pelbagai pembaharuan dan pembangunan yang dilaksanakan ke arah menjadi sebuah bandar pintar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, pemilihan Pulau Pinang sebagai tuan rumah penganjuran *Asia Pasific Urban Forum* (APUF7) buat julung kalinya di Malaysia adalah berteraskan beberapa kemajuan yang dipelopori Kerajaan Negeri menerusi kedua-dua pihak berkuasa tempatannya (PBT).

"Pulau Pinang telah dipilih sebagai tuan rumah penganjuran disebabkan negerinya yang maju dan banyak melakukan pembaharuan serta pembangunan, semestinya ini dapat ditonjolkan kepada negara luar sebagai ikon atau lambang kemajuan negara.

"Banyak tempat dan kawasan yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri menerusi PBT, kita (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT) berharap usaha-usaha ini akan membangunkan lagi kemajuan negeri yang seterusnya dapat dicontohi oleh PBT lain di dalam negara.

"Antara inisiatif bandar pintar yang telah dipelopori oleh Pulau Pinang adalah konsep bandar pintar, *smart appliances* dan pelbagai lagi yang mana usaha-usaha ini merupakan contoh bahawa Malaysia sememangnya berusaha untuk membina bandar pintar," ujarnya pada Majlis Perasmian Konvensyen Pemerkasaan PBT 2019 sempena penganjuran APUF7 di sini 14 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Dato' Sr. Rozali Mohamud (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP).

Konvensyen tersebut berjaya menghimpunkan lebih 3,000 peserta yang terdiri daripada Datuk Bandar, Yang di-Pertua, Setiausaha dan Ahli Majlis daripada PBT seluruh negara.

Bertemakan PBT Perkasa, Rakyat Sejahtera, konvensyen berkenaan merupakan platform kepada 155 PBT dalam negara mengetahui aspirasi kerajaan terhadap pemerkasaan peranan Majlis dan perkongsian amalan terbaik berkaitan isu-isu Kerajaan Tempatan.

Serentak konvensyen berkenaan, Zuraida turut melancarkan Buku Manual OSC 3.0 Plus bagi memudah cara dan mempercepatkan kelulusan untuk pembangunan.

"Kelulusan untuk pembangunan dan sebagainya oleh pengusaha atau pemaju dalam industri perhotelan serta perniagaan didapati mengambil masa yang panjang, justeru Perdana Menteri sendiri telah meminta KPKT untuk mengkaji semula dan membuat satu prosedur operasi standard (SOP) agar proses ini dapat dipendekkan sekaligus mempercepatkan sesuatu rancangan pembangunan.

"Saya difahamkan, dalam hal ini pun, Pulau Pinang telah selangkah ke hadapan apabila manual ini telah diguna pakai oleh PBT negeri, dan InsyaAllah saya yakin Pulau Pinang mampu menjadi contoh terbaik kepada PBT lain di dalam negara," jelasnya lanjut sambil mengucapkan syabas di atas pencapaian Pulau Pinang menjadi negeri pertama dalam negara yang keseluruhannya bertaraf bandar raya.

Dalam pada itu, Jagdeep pada sidang media sejurus tamat konvensyen berkenaan menyifatkan bahawa amanat dan mesej yang disampaikan oleh Zuraida adalah amat menyeluruh terutamanya peranan PBT dalam memperkasakan perkhidmatan kepada rakyat.

"Ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri yang memilih Pulau Pinang sebagai tuan rumah untuk konvensyen (Pemerkasaan PBT) ini dan APUF7, yang jelas merupakan pengiktirafan Pulau Pinang sebagai negeri yang menerajui di Malaysia.

"Diharapkan konvensyen ini akan melihat perkongsian pengalaman dan idea yang akan membawa semua PBT ke tahap yang lebih tinggi.

"Peranan ini bukan sahaja daripada segi perkhidmatan dan teknologi, sebaliknya juga daripada segi sumber manusia yang mana ia harus dipertingkat serta diperkasakan," ulasnya.








**PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG**

## PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (RFP)

Tawaran ini dibuka kepada pembida tempatan dan antarabangsa untuk menyertai *Permintaan untuk Cadangan* seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK** | : | ***REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR THE DEVELOPMENT OF COASTAL RESORT AND SPA, NORTH EAST DISTRICT, PENANG, MALAYSIA*** |
| **TARIKH DIBUKA** | : | **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)** |
| **TARIKH DITUTUP** | : | **31 DISEMBER 2019 (SELASA)** |

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http://www.penang.gov.my/ mulai **1 November 2019**.
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **'Request for Proposal (RFP) for The Development of Coastal Resort and Spa, North East District, Penang, Malaysia'**.
3. Cadangan hendaklah dihantar kepada **Sekretariat, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia** sebelum atau pada 12.00 tengahari, **31 Disember 2019**.
4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pejabat CMI di talian 04 – 650 5711 / 04-650 5679 atau emel kepada sitihajarabdulrahim@penang.gov.my.
5. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

# Teladani keperibadian Nabi Muhammad SAW dalam semua aspek kehidupan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **JHEAIPP**



**DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diiringi Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kiri sekali) menyampaikan anugerah berkaitan kepada Ahmad Fahmi A. Bakar (dua dari kanan) pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1441H/2019M di sini baru-baru ini.**

**BUKIT TAMBUN –** Umat Islam di negeri ini khususnya dan amnya Malaysia diseru supaya meneladani keperibadian Nabi Muhammad SAW dalam seluruh aspek kehidupan termasuk cara berpolitik, berekonomi, bersosial dan sebagainya.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, konsep 'Rahmatan Lil Alamin' sering ditonjolkan Rasulullah SAW sebagai pesuruh Allah SWT melalui komunikasi harian termasuk perhubungan dengan masyarakat bukan Islam.

"Piagam Madinah merupakan satu contoh unggul yang diperkenalkan oleh Rasulullah SAW bagi mewujudkan persefahaman dan perpaduan pelbagai kaum, bangsa, agama serta keturunan.

"Melalui pendekatan ini, Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh dan cara menunaikan kewajipan sesama manusia," ucapnya pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1441H/2019M dekat Majlis Al-Ihsaniah, Simpang Ampat di sini 10 November lalu.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff hadir sebagai tetamu kehormat pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim serta Mufti Kerajaan Negeri, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat menyatakan bahawa sebagai negara berbilang kaum, Kerajaan Persekutuan juga memperkenalkan gagasan 'Rahmatan Lil Alamin' yang menitikberatkan hubungan sesama manusia dengan tujuan saling memahami dan menghormati antara satu sama lain.

"Walaupun di Malaysia wujud kepelbagaian yang kompleks, namun keharmonian dan perpaduan sentiasa terpelihara serta terjamin melalui persefahaman selain menjunjung prinsip keadilan," ujarnya.

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang menobatkan Ahli Jawatankuasa Biro Pendidikan Zakat Pulau Pinang, Ahmad Fahmi A. Bakar sebagai Tokoh Maulidur Rasul.

Selain itu, Anugerah Khas Qudwatur Rasul Kemasyarakatan disandang oleh Dr. Mohamed Amir Shah Abd. Aziz; Anugerah Khas Qudwatur Rasul Inovasi dan Keusahawanan (Mazwan Noor); Anugerah Khas Qudwatur Rasul Pendidikan (Dr. Ahmad Majdi Yusoff); Anugerah Qudwatur Rasul Shabab (Nor Qaiyum Muhamad) dan Anugerah Khas Qudwatur Rasul Saudara Kita (Muhammad Faiz Ghan Abdullah).

Terdahulu, kira-kira 1,000 peserta kontinjen terdiri daripada pelbagai agensi, jabatan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kariah masjid menyertai perarakan sejauh dua kilometer bermula dari Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian ke Masjid Al-Ihsaniah dekat sini.

## Pelaksanaan kutipan cukai bagi petak atau blok sementara di negeri Pulau Pinang

**CUKAI** bagi petak atau blok sementara di Negeri Pulau Pinang telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 melalui pemberitahuan Warta P.U (B) 714 bertarikh 21 Disember 2018. Selain negeri Pulau Pinang, negeri Selangor dan Melaka telah melaksanakan kaedah yang sama dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bakal melaksanakannya pada tahun hadapan.

Cukai petak ini menggantikan cukai tanah yang sedia ada bagi bangunan strata yang memiliki hakmilik strata di negeri Pulau Pinang. Setiap pemilik petak akan menerima bil cukai petak masing-masing dan mereka bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran tersebut. Pemilik petak tidak perlu membayar caruman cukai tanah kepada Perbadanan Pengurusan (MC) tetapi caj penyelenggaraan *(maintenance fees)* masih perlu dibayar kepada MC.

Bagi mana-mana bangunan berstrata yang belum memiliki hakmilik strata, cukai tanah akan dikenakan seperti biasa kepada MC sehingga hakmilik strata didaftarkan. Mereka tidak perlu membuat bayaran cukai petak tetapi hanya perlu membayar caruman cukai tanah kepada MC dan MC bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran cukai tanah tersebut kepada Pejabat Daerah dan Tanah.

Bagi tahun ini, bil cukai petak akan diedarkan secara berperingkat mulai bulan November 2019 melalui MC. Sebanyak 224,303 bilangan petak melibatkan 1,796 skim dijangka akan menerima bil cukai petak pada tahun ini. Bil cukai petak bagi tahun 2020 akan diedarkan bermula Januari 2020 melalui MC kepada setiap pemilik petak. **Walaubagaimanapun, pemilik petak masih boleh membuat bayaran cukai petak di mana-mana Pejabat Daerah dan Tanah sekiranya bil cukai petak masih belum diterima.**

Pembayaran boleh dilakukan melalui dua (2) kaedah:

- kaunter Pejabat Daerah dan Tanah di Pulau Pinang
- secara atas talian di portal *http://ebayar.penang.gov.my* mulai **1 Januari 2020**

Bagi pembayaran cukai petak tahun 2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan supaya pemilik petak boleh membuat bayaran cukai petak sehingga atau pada **31 MEI 2020 tanpa dikenakan caj denda lewat**.

Pemilik petak boleh membuat pengemaskinian seperti nama, alamat surat-menyurat dan maklumat lain yang berkaitan melalui:

- Borang NA(2) – Borang boleh diperoleh di:
  - o Kaunter Hasil Pejabat Daerah dan Tanah
  - o Kaunter Hasil Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang
  - o Sistem PTGBil (atas talian)- etanah.penang.gov.my

"Kategori sekolah rendah pula memperlihatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Eng Chuan mempertahankan gelaran untuk kali kedua berturut-turut menewaskan Sekolah Kebangsaan (SK) Balik Pulau di tempat kedua dan SJKC Eok Hua (ketiga).

"Selain itu, Anugerah Sekolah Hijau 2019 turut mempertaruhkan kategori-kategori lain seperti Anugerah Galakan, Video Pendek, Penyertaan Masyarakat, Inovasi Kreatif, Kebersihan dan Penghijauan dan Sumber Asli untuk peringkat sekolah menengah dan rendah,'' ujar beliau.



IR. Addnan Mohd. Razali (tujuh dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian pemenang pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2019 Peringkat Pulau Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN persembahan menarik yang dipersembahkan.

## Kejayaan sisa sifar tanggungjawab serta kerjasama semua pihak

**BUTTERWORTH -** Kejayaan inisiatif sisa sifar mungkin sukar dicapai, namun ia tidak mustahil jika umum menyedari akan peri penting dan melakukan perubahan sikap, kata Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Menurut beliau, kejayaan melaksanakan sisa sifar bukan terletak di bahu Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) sahaja, tetapi ia merupakan tanggungjawab serta kerjasama semua pihak.

"Bukan perkara mudah sebenarnya untuk mendidik orang ramai berhubung pelaksanaan sisa sifar ini, masih banyak makanan dibazirkan apabila orang ramai membuangnya begitu saja setiap hari.

"Seharusnya, kesedaran itu bermula daripada diri kita sendiri, makan ikut keperluan dan tidak berlebih-lebih hingga berlaku pembaziran, yang mana ia sekaligus dapat membendung tabiat membuang makanan," ujarnya sambil menyeru orang ramai membeli produk *'package-free'* sebagai langkah mengurangkan pembaziran makanan.



PHEE Boon Poh.

Boon Poh berkata demikian pada Majlis Perasmian Persidangan Sisa Sifar Untuk Guru-guru Sekolah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pemangku Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader.

Dalam pada itu, Mohideen ketika berucap memberitahu bahawa lebih 150 guru di Pulau Pinang mengambil bahagian di dalam program tersebut.

"Kami berharap usaha ini dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan pendidik dan seterusnya menggalakkan mereka untuk mengajar pelajar tentang kepentingan sisa sifar.

"Ini kerana, guru memainkan peranan penting dalam mendidik dan membentuk pola pemikiran pelajar," jelasnya.



# Farizan serah tugas Setiausaha Kerajaan Negeri kepada Abdul Razak

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** – Dato' Seri Farizan Darus menyerahkan tugas Setiausaha Kerajaan Negeri kepada Dato' Abdul Razak Jaafar di sini 7 November lalu.

Majlis dimulakan dengan upacara menandatangani dan menyerahkan buku tugas di antara Farizan dan Abdul Razak sambil disaksikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Kon Yeow dalam ucapannya meletakkan keyakinan dan sepenuh kepercayaan kepada Abdul Razak dalam menerajui pentadbiran Kerajaan Negeri secara telus dan efisien berteraskan prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

"Tinggi harapan saya agar gandingan baharu ini akan mewujudkan sinergi yang kukuh dan semangat kerjasama utuh dalam menjayakan dasar-dasar Kerajaan Negeri berlandaskan Visi Penang2030 ke arah sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Sebagaimana ditekankan dalam Belanjawan 2020 iaitu Penang2030 Teras Kejayaan Kemakmuran Bersama, diharap Abdul Razak akan bersama-sama barisan kepimpinan dan juga pentadbiran Kerajaan Negeri merealisasikan semua intipati bagi membolehkan Pulau Pinang terus mara ke hadapan dalam usaha pembaharuan digital serta pintar seiring dengan penglibatan setiap lapisan masyarakat dan pihak industri untuk muncul sebagai negeri yang menginspirasikan negara," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; barisan Exco, ex-officio dan Ketua-ketua Jabatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Abdul Razak, 56, dilantik menggantikan Farizan berkuatkuasa 8 November yang bersara wajib pada 7 November 2019.

Beliau sebelum ini menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) di Kementerian Kerja Raya dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama lebih 27 tahun apabila dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1 Disember 1992.

Mempunyai pengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan pembangunan perbandaran, daerah, kerajaan tempatan dan pengurusan perolehan, kewangan serta sumber manusia.




**LAW Choo Kiang (kiri sekali) dan Ketua Menteri menyaksikan majlis penyerahan buku tugas di antara Farizan Darus (dua dari kiri) dan Abdul Razak Jaafar (kanan sekali) di sini baru-baru ini.**

# Tekad sediakan 18,000 unit rumah mampu milik secara sewa beli menjelang 2030

**PINANG TUNGGAL -** Kerajaan Negeri bakal mengetepikan sebanyak 10 peratus daripada 180,000 unit rumah mampu milik yang akan dibekalkan kepada rakyat Pulau Pinang secara sewa beli menjelang tahun 2030.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, memandangkan permintaan rakyat terhadap unit rumah mampu milik yang dibeli secara sewa beli semakin mendapat sambutan, maka Kerajaan Negeri bertekad mengetepikan sebanyak 10 peratus daripada 180,000 unit atau 18,000 unit rumah mampu milik pelbagai kategori untuk ditawarkan kepada yang layak.

"Sejak tahun 2008 sehingga kini, sebanyak 29,959 unit rumah mampu milik pelbagai kategori telah dibina; sedang dibina (23,985 unit) dan telah diberi kelulusan untuk dibina (48,391) menjadikan 102,335 unit ditawarkan serta bakal ditawarkan kepada rakyat di negeri ini.

"Daripada jumlah tersebut, 1,062 unit telah diketepikan membabitkan lima projek perumahan iaitu empat di Seberang Perai dan bahagian pulau (1) untuk ditawarkan secara sewa beli.

"(Dan) selaras pengumuman baru-baru ini, Kerajaan Negeri bertekad mengetepikan 10 peratus daripada sasaran 180,000 unit rumah yang bakal dibina menjelang tahun 2030 ditawarkan secara sewa beli selaras dengan Visi Penang2030," ucapnya pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Skim Perumahan Secara Sewa Beli Projek Perumahan Awam Kos Rendah di Taman Seri Desa, Tasek Gelugor dekat sini 19 Oktober lalu.

Turut berucap, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan), 'Ainul Fadhilah Samsudi; Jurutera Daerah Seberang Perai Utara, Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Ir. Shahfizan Md. Nor serta wakil-wakil daripada agensi kerajaan berkaitan.

Dalam sidang media sejurus penyerahan surat tawaran berkaitan, Jagdeep memaklumkan bahawa dalam pembentangan Belanjawan 2020 baru-baru ini, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan dana sebanyak RM3 bilion bagi menjayakan tawaran perumahan secara sewa beli ini.

"Kerajaan Persekutuan tahu bahawa pembeli sukar untuk mendapatkan pinjaman dari bank-bank komersial.

"Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak bersetuju dengan had RM500,000 (nilai hartanah) memandangkan ia terlalu tinggi.

"Had tersebut perlu dikurangkan dengan memberi keutamaan kepada rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

"(Dan) dana ini sepatutnya digunakan bagi membolehkan golongan yang tidak mampu mendapatkan pinjaman memiliki rumah," ulasnya mengenai peruntukan dana tersebut.

Di Pulau Pinang, menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri telah meletakkan had harga bagi rumah mampu milik.

Bagi rumah mampu milik Kategori A (kos rendah) had maksimum adalah RM42,000; Kategori B (kos sederhana rendah) pada harga RM72,500; Kategori C1 (RM150,000); kategori C2 (RM200,000) dan Kategori C3 (RM300,000).

"Sekiranya melebihi (had harga) RM300,000, maka sudah tidak mampu milik lagi," katanya.

Terdahulu, Jagdeep menyempurnakan penyerahan surat tawaran skim perumahan secara sewa beli kepada 21 pembeli di Taman Seri Desa dekat sini.

Projek yang sebelum ini terbengkalai dek masalah jajaran projek landasan kereta api berkembar yang dalam pembinaan, bakal disempurnakan dalam tempoh terdekat yang mana Kerajaan Negeri membiayai RM2.1 juta bagi kerja-kerja pembaikan umum.

Difahamkan, daripada 249 unit yang berkeluasan penuh 1,291 kaki persegi (termasuk ruang parkir dan ruang belakang), 64 unit ditawarkan secara sewa beli.



**JADEEP Singh Deo (barisan depan, tengah) dan Sr. Rozali Mohamud (kiri sekali) pada majlis sidang media sejurus Majlis Penyerahan Surat Tawaran Skim Perumahan Secara Sewa Beli Projek Perumahan Awam Kos Rendah di Taman Seri Desa dekat sini baru-baru ini.**



# Jalinan kerjasama harap manfaat usahawan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PERUSAHAAN** Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan salah satu penyumbang utama kepada industri pembuatan selain menjadi tulang belakang kepada pembangunan ekonomi Pulau Pinang.

Pelbagai inisiatif dan penekanan diberikan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 terhadap pembangunan PKS bagi meningkatkan daya maju seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara.

Terbaharu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Timbalan Ketua Menteri I, di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Industri dengan kerjasama Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) buat julung kalinya menganjurkan lawatan penanda aras ke wilayah Satun dan Songkhla, Thailand bagi turut sama mempelajari pembangunan sektor PKS di wilayah berkaitan.

Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, lawatan kerja selama tiga hari mulai 16 hingga 18 Oktober lalu bertujuan memberi pendedahan serta pengetahuan kepada usahawan PKS berkaitan penanda aras bagi proses pengeluaran, pengurusan serta pemasaran produk.

"Selain kumpulan usahawan yang telah mencapai kemajuan, lawatan ini juga turut melibatkan mereka yang baru berjinak-jinak dalam bidang keusahawanan.

"Kita bawa mereka untuk melihat sendiri bagaimana usahawan-usahawan di sini (Thailand) menjalankan perniagaan mereka daripada segi proses pembuatan sehingga kepada pemasaran produk dan seterusnya menetapkan matlamat yang mahu dicapai di dalam perniagaan mereka.


**NOOR Azzam Yaazizul.**


**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kiri sekali) meninjau produk-produk yang dihasilkan oleh usahawan Thailand yang dipamerkan pada penganjuran OTOP SMEs Expo Thailand di Wilayah Songkhla.**

"Bagi usahawan baru, mereka boleh belajar cara-cara untuk menjalankan perniagaan secara lebih berkesan, manakala bagi yang telah mencapai tahap lebih maju, mereka dapat mempelajari perkara-perkara diperlukan bagi meningkatkan lagi perusahaan masing-masing.

"(Dan) diharapkan segala pengetahuan yang diperoleh melalui lawatan ini dapat dibawa pulang untuk dimanfaatkan oleh lebih ramai lagi usahawan di Pulau Pinang," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat ketika ditemui Buletin Mutiara pada program berkenaan baru-baru ini.


**BIJI kopi bagi penghasilan produk kopi.**


**LAWATAN ke kilang pembuatan kopi secara tradisional dekat Wilayah Satun, Thailand.**


**PRODUK-produk yang dipamerkan pada penganjuran OTOP SMEs Expo Thailand.**

Selain Ahmad Zakiyuddin, turut menyertai lawatan tersebut adalah Pegawai Khas kepada Timbalan Ketua Menteri I, Muhammad Sufi Mohd. Jamil; Pengarah SME Corp. Pulau Pinang, Noor Azzam Yaazizul serta delegasi usahawan dari seluruh negeri Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan terus menyokong usahawan PKS di negeri ini bagi memperkembangkan perniagaan dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan industri berasaskan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

"Usahawan menjadi salah satu sektor penting dalam pembangunan negeri dan terus akan diberikan tumpuan dengan melibatkan pelbagai pihak termasuk agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi membantu mereka mengembangkan perniagaan di samping melibatkan diri dalam industri-industri yang lebih besar.

"Oleh itu, terima kasih diucapkan kepada pihak SME Corp. yang telah bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri dalam membantu mewujudkan lebih ramai usahawan di Pulau Pinang.

"(Dan) kita berharap agar jalinan kerjasama ini dapat memberi manfaat kepada kumpulan sasaran terutama graduan lepasan ijazah yang mahu memulakan perniagaan atau perusahaan agar mereka mendapat bimbingan yang sewajarnya oleh agensi-agensi berkaitan," ujarnya yang mengetuai rombongan berkenaan sambil menyifatkan lawatan kerja tersebut berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.

Dalam pada itu, Noor Azzam menyatakan bahawa hasil daripada lawatan itu, pihak penganjur *One Tambon One Product* atau OTOP SMEs Expo Thailand bersetuju memberikan ruang kepada PKS Pulau Pinang untuk menyertai ekspo tersebut secara percuma pada masa akan datang.

"Apa yang kita harapkan bagi usahawan di negeri ini adalah untuk mengenal pasti kawasan mana telah mencapai matlamat iaitu satu daerah satu industri atau SDSI, kerana kita mahu pastikan usahawan yang mewakili daerah tersebut boleh mengungguli produk diusahakan dan seterusnya membawa nama Pulau Pinang ke peringkat lebih

*(Sambungan di muka 23).*

(Sambungan dari muka 22).

# PKS Pulau Pinang di OTOP SMEs Expo kelak

tinggi," jelasnya.

Terdahulu, ketibaan delegasi yang disertai oleh 30 usahawan dari seluruh Pulau Pinang ke wilayah Satun, Thailand disambut oleh Datuk Bandar Satun, Mamadnizam Bilanglod dan isteri, Ratri Bilanglod.



PROSES pembuatan kuih simpul kasih yang diusahakan secara satu komuniti satu industri dekat Kampung Chebilang, Satun.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (duduk, dua dari kiri) merasmikan *'Ground Water Bank'* ke-45 yang dibangunkan melalui program MATHAF bagi kegunaan kumpulan memerlukan di wilayah Satun,Thailand baru-baru ini.

Para peserta kemudiannya dibawa melawat ke kilang pembuatan kopi di wilayah berkenaan yang diusahakan secara tradisional sehingga mampu menarik kehadiran pelancong asing dan juga tempatan.

Lawatan diteruskan lagi ke Kampung Chebilang dan Kampung Baru dalam wilayah sama untuk melihat industri pembuatan kerepek 'simpul kasih' dan biskut 'lidah kerbau' yang dihasilkan melalui program 'satu komuniti satu industri'.

Sesuai makan malam bersama Gabenor Satun, Ahmad Zakiyuddin turut diberi penghargaan merasmikan *'Ground Water Bank'* ke-45 dekat Kampung Chebilang yang dibangunkan melalui kerjasama Malaysia Thailand Halal Food Festival (MATHAF) di bawah program *Project Malaya*.

Difahamkan, di bawah program berkenaan, sebanyak 60 *'water bank'* dibangunkan dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM42,000 bagi kegunaan penduduk kurang berkemampuan di wilayah Satun selain menjadi rujukan utama bagi 14 wilayah lain di Thailand.

Pada hari kedua pula, para delegasi dibawa melawat ke tapak ekspo OTOP terkemuka Thailand di Wilayah Songkhla yang menghimpunkan lebih 100 usahawan tempatan sebelum mengakhiri lawatan dengan menghadiri jamuan makan malam bersama-sama Pegawai Daerah Songkhla.

# Taman awam bertaraf dunia, *Gurney Wharf* hampir menjadi kenyataan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Penyerahan lapan daripada 40 ekar tanah di kawasan tebus guna bersebelahan Persiaran Gurney kepada Kerajaan Negeri telah disempurnakan pada 7 Oktober 2019.

Manakala bakinya akan diserahkan sepenuhnya menjelang pertengahan bulan September 2020 setelah kerja-kerja tebus guna tanah bagi projek pembangunan *Gurney Wharf* selesai.

Pembangunan sebuah taman awam bertaraf dunia yang dikenali sebagai *Gurney Wharf* akan mengambil masa antara 18 hingga 24 bulan mengikut fasa.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada sesi lawatan ke tapak projek *Gurney Wharf* di sini baru-baru ini.

Selaras dengan perjanjian konsesi ditandatangani antara Kerajaan Negeri serta syarikat pemaju, Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. (TPD) iaitu anak syarikat Eastern & Oriental Berhad, syarikat tersebut akan menanggung kos tebus guna tanah seluas 131.09 ekar dan menyerahkannya kepada Kerajaan Negeri menjelang Disember 2022.

Pada 18 Oktober lalu, pimpinan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menghadiri taklimat berhubung kemajuan projek tebus guna tanah di Persiaran Gurney dekat Tanjung Tokong dekat sini.

Usai taklimat yang berlangsung di Galeri Jualan Seri Tanjung Pinang, pimpinan Kerajaan Negeri kemudiannya dibawa ke tapak tebus guna menggunakan kenderaan pacuan empat roda yang lengkap dengan ciri-ciri keselamatan di tapak projek.

Selain Kon Yeow, turut serta dalam lawatan tapak ialah Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi.

Projek pembangunan *Gurney Wharf* adalah inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sebagai rekod, melalui sesi bancian awam yang diadakan pada 2016 sebanyak 95 responden bersetuju projek berkaitan dibangunkan.



RAKAMAN dron.

# Anugerah Komuniti Mampan ke arah capai bandar bebas karbon

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA -** Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Utara muncul sebagai pemenang Anugerah Komuniti Mampan 2018/2019 dan membolehkan pihak berkaitan membawa pulang hadiah tunai berjumlah RM3,000 beserta sijil.

Ketika berucap, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa acara tersebut akan terus dipertahankan walaupun pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan telah diiktiraf sebagai 'bandar raya'.

"Anugerah Komuniti Mampan 2018/2019 telah masuk penggal keempat sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2013.

"Daripada 12 penyertaan pada tahun 2013, bilangan komuniti yang menyertai anugerah ini telah bertambah kepada 21 penyertaan pada tahun 2016/2017.

"Anugerah kali ini, 22 komuniti telah menyertai dan hanya 15 komuniti telah dipilih untuk menerima hadiah.

"(Justeru), saya berharap agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai 'Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Depan'," jelasnya pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti Mampan 2018/2019 di sini 4 Oktober 2019.



**SR. Rozali Mohamud (berkopiah), barisan kepimpinan MBSP merakam gambar kenangan bersama-sama pihak-pihak berkaitan pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti Mampan 2018/2019 di sini baru-baru ini.**

Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod dan barisan Ahli Majlis MBSP lain turut sertai majlis tersebut.

Selain itu, Rozali turut merakamkan penghargaan kepada Pengurus Kumpulan Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd., Datuk Lee Teong Li kerana menaja acara penyampaian anugerah pada kali ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali memberitahu bahawa Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 antara lain komited dalam memulihara alam sekitar di Seberang Perai.

Tambah beliau, MBSP mempunyai sasaran yang jelas dengan pengurangan 50 peratus pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada 8.0 tan $CO_2e$ per kapita kepada 4.0 tan $CO_2e$ per kapita.

"MBSP sasar untuk menjadi *'carbon neautral city'* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan bandar bebas karbon pada 2050.

"MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia dalam usaha menangani perubahan cuaca supaya dapat mengehadkan pemanasan global kepada 1.5 darjah celcius," ujarnya.

Berikut adalah senarai empat pemenang Anugerah Komuniti Mampan 2018/2019:

- Johan: Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Utara.
- Naib Johan: Pertubuhan Penduduk Kampung Gajah, hadiah bernilai RM2,500.
- Ketiga: Perbadanan Pengurusan Taman Pandan Butterworth (RM2,500)
- Hadiah Inovasi Khas: Rukun Tetangga Taman Keenways Bukit Mertajam (RM700).





EcoWorld Gallery @ Eco Meadows
Eco Meadows Sdn. Bhd. (1088028-X )
740, Mukim 14, Jalan Paboi, Seberang Perai Selatan, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang
E ecomeadows@ecoworld.my
EcoWorld Gallery @ Eco Meadows
Nikmati perkhidmatan dan bantuan bertaraf dunia kami setiap hari.
Isnin hingga Jumaat 9pg - 6ptg
Hujung Minggu dan Cuti Umum 10pg - 6ptg
+604 510 2255
www.ecoworld.my
Crafted by ECOWORLD CREATING TOMORROW & BEYOND

Eco Bloom : Nama Pembangunan: Eco Meadows Sdn Bhd (1088028-X) • No Lesen Pemaju: 14518-1/10-2020/02991(L) • Tempoh Sah: 08/10/2019 - 07/10/2020 • No Permit Iklan & Jualan: 14518-1/10-2020/02991(P) • Tempoh Sah: 08/10/2019 - 07/10/2020 • Hakmilik Tanah: Pegangan Bebas • Bebanan Tanah: Alliance Bank Malaysia Berhad • Diluluskan Oleh: Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) • No Rujukan Pelan Bangunan: MPSP / 40 / 20-74 / 59 • Tarikh Dijangka Siap: Oct 2019 • Jenis Pembangunan: Kondominium • Saiz: 802kps hingga 1,101kps • Jumlah Unit: 490 units • Harga Jualan: (Min) RM 485,000 – (Max) RM 813,750• Bumiputera Diskaun: 5%. Kesemua ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja. Pihak pemajuberhak mengubahsuai mana-mana bahagian bangunan, pembangunan dan/atau mana-mana unit sebelum siap seperti yang diperlukan oleh perunding pemaju dan/atau pihak berkuasa yang relevan. Sementara semua langkah yang wajar telah diambil dalam menyediakan informasi ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas apa-apa variasi atau ketidaktelitian.

# Tanam pokok ke arah bandar rendah karbon 2022



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (empat dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) menandatangani plak sebagai gimik perasmian majlis penanaman pokok dekat Tapak Setia Fontaines di sini baru-baru ini.

Gambar : **LAW SUUN TING**

**PINANG TUNGGAL –** Sejumlah 5,555 batang pokok pelbagai spesies ditanam berdekatan tapak projek Setia Fontaines dekat sini oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sempena pemasyhuran Seberang Perai sebagai bandar raya baru-baru ini.

Menurut Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud, daripada jumlah tersebut, sebanyak 800 batang pokok ditanam serentak di tapak projek Setia Fontaines di sini.

"Program ini adalah amat bersejarah kerana 800 batang pokok yang ditanam di kawasan ini adalah merupakan yang terbesar selepas bandar raya ditubuhkan.

"Selain itu, ia juga merupakan program terbesar yang dapat menyerap 174.28 tan karbon dioksida ($CO_2$) serta menghasilkan 973.8 tan oksigen, dan ini menepati sasaran MBSP untuk mencapai bandar rendah karbon menjelang 2022.

"Malah, kita juga telah berbincang dengan pihak SP Setia, dan mereka menyatakan kesediaan untuk menjadikan projek terbesar berkeluasan 1,691 ekar ini sebagai model bandar rendah karbon," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian program berkaitan pada 6 Oktober lalu.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman hadir menyempurnakan majlis berkaitan.

Turut hadir, Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod; Pengurus Besar Setia Fontaines, Ricky Yeo serta wakil dari Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Christine Cheah-Connery.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa baki sebanyak 4,655 batang pokok lagi akan ditanam di seluruh kawasan Seberang Perai melibatkan semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, sekolah, pemaju serta komuniti.

"Kita tanam pokok di 40 lokasi secara serentak dengan tujuan untuk mewujudkan *'forest park'* berkonsepkan *'tree bank'* supaya baka anak-anak pokok ini dapat ditanam di tempat-tempat lain bagi menjimatkan kos," jelasnya.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin menyifatkan program tersebut sebagai satu permulaan ke arah membina sebuah bandar raya yang sihat dan pintar.

"Justeru, saya harap apa yang ditunjukkan oleh Setia Fontaines akan dapat diikuti oleh banyak lagi pemaju semasa merancang pembangunan yang hendak dilaksanakan di negeri ini," seru beliau.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.

# Jangka hayat Tapak Pelupusan Pulau Burung, harap sampah dikurangkan kepada 130 lori sehari

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**SERI DELIMA –** Lebih 153,000 kilogram (kg) sisa buangan bahan kitar semula berjaya dikumpul menerusi Kempen Kitar Semula F&N dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang berakhir pada 30 Ogos lalu.

Sebanyak 116 sekolah dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan mengambil bahagian menerusi program anjuran MBPP dengan Fraser & Neave Holdings Bhd. (F&N), Tetra Park (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) berkaitan sejak 1 Mac lalu.

Berucap pada majlis penyampaian hadiah kempen itu baru-baru ini, Pengurus Hal Ehwal Korporat F&N, Carissa Goh berkata bahawa melalui kempen sama tahun lalu (2018), sebanyak 109 penyertaan dicatatkan dengan lebih 151,000kg bahan kitar semula berjaya dikumpul.

"Peningkatan ini mencerminkan tahap kesedaran terhadap amalan kitar semula dalam kalangan kanak-kanak sekolah semakin meningkat dan usaha proaktif wira-wira alam sekitar telah menjayakan kempen ini.

"Generasi muda mempunyai kuasa untuk mencetus perubahan positif dan memberikan sumbangan bermakna demi masa depan lebih lestari dengan melaksanakan amalan kitar semula yang mudah dalam kehidupan seharian masing-masing," ujarnya di sini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan wakil-wakil JPNPP serta Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd..

Bagi Kategori Sekolah Menengah, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Pulau Tikus telah dinobatkan sebagai juara dengan membawa pulang wang tunai bernilai RM1,400; sijil penghargaan dan piala iringan, diikuti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sin Min (Kategori Sekolah Rendah) yang turut membawa pulang hadiah sama. Manakala Kategori Prasekolah diungguli Sekolah Kebangsaan Batu Ferringhi yang menerima hadiah wang tunai berjumlah RM500, sijil penghargaan serta piala iringan.



BARISAN jemputan, ahli jawatankuasa penganjur dan para peserta merakam gambar kenangan pada Majlis Penyampaian Hadiah Kempen Kitar Semula F&N dan MBPP di sini baru-baru ini.

Empat Kategori Anugerah Khas lain iaitu anugerah khas bahan kitar semula aluminium, plastik, kotak minuman dan e-buangan paling banyak turut diadakan.

Dalam pada itu, Tung Seang ketika menyampaikan ucapan melahirkan harapan agar jangka hayat Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dapat dipanjangkan melalui beberapa dasar yang telah dilaksanakan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri kini.

Menurutnya, Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung Fasa 3 berkeluasan 314 ekar dijangka mampu bertahan sehingga 36 tahun lagi.

"Tapak pelupusan fasa pertama sejumlah 100 ekar dan fasa kedua (50 ekar) masing-masingnya telah kritikal dan tepu sehingga memaksa Kerajaan Negeri meluaskan tapak pelupusan sampah sedia ada, maka diharap dengan beberapa dasar yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri serta pihak PBT, ia mampu memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan (fasa 3) ini.

"Menerusi program-program kitar semula yang telah dijalankan dan diperkenalkan selama ini, diharap ia mampu mengurangkan penghantaran sampah daripada 300 lori kepada 130 buah lori sehari.

"Serentak itu juga saya yakin dengan penglibatan dan kesedaran umum terutamanya dalam kalangan masyarakat serta pelajar, jumlah ini mampu dikurangkan lagi pada masa akan datang," zahir beliau.

# Premis makanan kekal Gred C tidak boleh perbaharui lesen

**JAWI -** Sebanyak 1,319 premis makanan Gred C di bandar raya Seberang Perai yang gagal mendapat Gred B atau Gred A dalam tempoh tahun 2020 tidak boleh lagi memperbaharui lesen bermula pada tahun 2020.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa pentadbirannya mulai tahun hadapan mensasarkan 70 peratus premis makanan dalam kategori Gred A, sementara baki 30 peratus lagi premis makanan adalah Gred B sahaja.

"Kita (MBSP) sasar perubahan gred premis makanan 70 peratus Gred A dan Gred B (30 peratus) pada 2020.

"Kita nak pastikan semua premis makanan benar-benar bersih, sesuai dengan status Seberang Perai sebagai bandar raya," jelasnya pada acara 'Retreat' Peningkatan Gred Premis Makanan Kawasan Seberang Perai Siri 4/2019 di sini 22 Oktober 2019.

Turut serta, Pengarah Perkhidmatan Kesihatan MBSP, Mohd. Ibrahim Md. Nor dan Ahli Majlis, Heng Yeh Shiuan.

Rozali memberitahu bahawa premis makanan Gred C yang berjaya mendapat Gred A akan diberi beberapa ganjaran seperti pembatalan semua rekod kompaun (pembersihan) dan pengurangan 50 peratus kadar suntikan tifoid (terhad untuk lima orang sahaja).

Sementara bagi premis makanan Gred B yang berjaya mendapat Gred A bakal menikmati pengurangan 50 peratus kadar suntikan tifoid (terhad kepada tiga orang sahaja).

"Sebenarnya hasil daripada suntikan tifoid dan kompaun pembersihan ini tidak banyak kepada MBSP, dan bukan niat kita untuk melaksanakan penguatkuasaan menyeluruh ini untuk duit ringgit semata-mata, tapi memang untuk pastikan premis makanan bersih menjadi satu lagi identiti bandar raya di sisi pelancong serta pengunjung yang ingin ke Seberang Perai," ujarnya.

Difahamkan, keseluruhan premis makanan berlesen di Seberang Perai adalah berjumlah 2,141.

# Gelanggang futsal setiap KADUN hasrat Kerajaan Negeri

Gambar : **ENG KOK WEI**

**BAGAN JERMAL** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat memperluaskan program Sukan Untuk Semua melalui penganjuran lebih banyak acara sukan termasuk yang kurang popular.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, penganjuran program berkenaan adalah bertujuan memupuk gaya hidup sihat selain dapat mengeratkan hubungan antara kaum.

"Kerajaan Negeri memahami kepentingan memupuk amalan bersukan dalam kehidupan masyarakat, sebab itu kita mewujudkan kempen 'Sukan Untuk Semua' dengan hasrat untuk mengembangkan pelbagai acara sukan di negeri ini.

"Melalui program ini juga, kita dapat memperkenalkan acara sukan yang berlainan pada setiap bulan, dengan harapan dapat menggalakkan masyarakat diri dalam sukan yang mereka gemari," katanya semasa merasmikan Kejohanan Futsal De Samba Piala Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal dekat Gelanggang Bola-Bola Mak Mandin di sini 19 Oktober lalu.

Dalam pada itu, Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan gelanggang futsal di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di negeri ini.

"Justeru, diharapkan agar matlamat ini dapat dicapai dengan bantuan daripada ADUN-ADUN di kawasan masing-masing," ujarnya.

Difahamkan, sebanyak 32 pasukan futsal dari Pulau Pinang dan Kedah mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut yang turut mendapat kerjasama daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bagan Jermal.



SOON Lip Chee (berbaju putih) bergambar kenang-kenangan bersama-sama salah satu pasukan yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Futsal De Samba Piala ADUN Bagan Jermal di sini baru-baru ini.


PANGSAPURI SERVIS METRO

LOT 10122(LOT LAMA PT800), JALAN PERDA UTAMA
MUKIM 7, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.




011-2288 7373

NO.36 & 38, LORONG PERDA SELATAN 2, BANDAR PERDA, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG.

Pelan Rumah




Keluasan bangunan dari: 810 kaki persegi

| | |
|---|---|
| KPJ Penang Specialist Hospital | 600m |
| Maybank | 750m |
| Mc Donald's | 1.5km |
| Jit Sin Independent High School | 3.8km |
| Mydin Mall Bukit Mertajam | 3.5km |
| Sunway Carnival | 8.4km |




**Tambahan**

No. Lesen Pemaju: 19696-1/06-2021/0532 (L)
Tempoh Sah: 18/06/2019 - 17/06/2021
No. Permit Iklan & Jualan:19696-1/06-2021/0532 (P)
Tempoh Sah: 18/06/2019 - 17/06/2021
Nama Pemaju: Ramana Venture Sdn Bhd
Alamat Pemaju: No.36 & 38, Lorong Perda Selatan 2, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Telefon Pemaju: 011-2288 7373
Jenis Pegangan Tanah: Bebas
Nama Pemajuan Perumahan: Pangsapuri Servis Metro
Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap: Jun 2022
Harga Jualan: Minimum - RM315,000, Maksimum - RM666,500
Bilangan Unit: Type A, B, B1, B2, C, D
Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Perbandaran Seberang Perai
No. Kelulusan Pelan Bangunan:MPSP/40/20-37/13(CP)
5% Diskaun Untuk Bumiputera

**Spesifikasi**

Struktur:
Konkrit Tetulang

Bumbung:
Konkrit Tetulang

Tingkap:
Tingkap Kaca Berbingkai Aluminium

Lantai:
Kemasan Jubin Seramik

Pintu:
Pintu Utama - Pintu Papan Rintangan Api
Pintu Bilik - Pintu Papan Lapis Berkualiti
Pintu Bilik Air - Pintu PVC Berkualiti

Dinding:
Dinding Konkrit Tetulang dan
Dinding Bata Simen Pasir dengan Kemasan Cat

Siling:
Bilik air - Kepingan plaster siling
Lain-lain Tempat - Lepaan Skima dan Cat

**Harga Jualan: Minimum - RM315,000, Maksimum - RM666,500**

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

# ‘Ziarah Prihatin’ Bayan Lepas selami permasalahan rakyat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN LEPAS –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz komited dalam membantu golongan memerlukan di Kawasan Dewan Undangan Negerinya (KADUN) di sini.

Beliau yang ditemui baru-baru ini berkata, ‘Ziarah Prihatin’ yang diadakan diharap dapat membela nasib golongan memerlukan melalui pelbagai medium bantuan yang disediakan pihak kerajaan.

“Antara sebab saya menggerakkan ‘Ziarah Prihatin’ bersepadu ini adalah untuk menyantuni terus rakyat marhaen yang perlukan sokongan dan dokongan kerajaan, agensi kerajaan serta badan-badan kebajikan lain di kawasan ini.

“Agensi yang sering terlibat sepanjang tahun ini termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Zakat Pulau Pinang (ZPP), Pejabat Daerah dan Tanah bagi Daerah Barat Daya (PDT DBD), Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

“Saya sendiri juga akan turun padang, dan tahun ini kita sasarkan 90 keluarga akan disantuni,” ujar Azrul Mahathir pada sesi lawatan khas berkaitan baru-baru ini.

Hadir sama, Penghulu bagi PDT DBD, Kamal Yusof, wakil-wakil MPKK serta JPWK setempat.

Tambah Azrul Mahathir, selaku ADUN, beliau perlu menyelami secara terus permasalahan rakyat dari akar umbi.

Dalam lawatan ke lapan lokasi diziarahi sukad ‘Ziarah Prihatin’ antaranya kediaman Zaini Ahmad yang mengalami sakit strok; adik Muhammad Arif Hafiy Asmadi (kereputan tulang); adik Nur Syamimi Suhaimi (sakit tulang belakang dan pendarahan otak disebabkan kemalangan) dan beberapa kediaman lain.

## Gunting rambut percuma penghargaan kepada penduduk

**SERI DELIMA –** Penduduk di sekitar Greenlane Heights di sini khususnya warga emas berpeluang mendapatkan perkhidmatan gunting rambut secara percuma bersempena penganjuran Program Potongan Rambut baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Syerleena Abdul Rashid berkata bahawa program-program kemasyarakatan seumpama itu perlu diperbanyakkan pada masa depan untuk mendekatkan diri pemimpin dengan penduduk di sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN).

“Program anjurkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) kawasan ini merupakan salah satu cara untuk kita saling lebih mengenali antara satu sama lain.

“Selain itu, program sebegini juga dapat memberi sedikit-sebanyak penghargaan bagi meraikan insan-insan yang memerlukan,” katanya pada penganjuran program berkaitan.

Hadir sama, Pengerusi MPKK Greenlane Height, Yeap Kean Chye.

Dalam pada itu, Kean Chye memberitahu bahawa kebanyakan penduduk di kawasan tersebut adalah terdiri daripada golongan warga emas.

“Atas dasar keperihatinan, kami (MPKK Greenlane Height) menganjurkan program ini untuk memudahkan mereka (golongan warga emas) mendapatkan perkhidmatan memotong rambut di kawasan rumah secara percuma,” ujarnya sambil mengucapkan syabas kepada ahli jawatankuasanya.

ARTS
CULTURE
HERITAGE

BFF

BUTTERWORTH
FRINGE FESTIVAL 2019

7 & 8 DECEMBER 2019 | 5PM - 11PM

PADANG PEMUDA MERDEKA
BUTTERWORTH, PENANG, MALAYSIA




BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2019
BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2019

# Komited bantu peniaga kecil melalui Skim Pinjaman Harapan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SUNGAI BAKAP** – Kerajaan Negeri dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah memperuntukkan RM11 juta bagi melaksanakan program Skim Pinjaman Harapan (SPH) sejak 2010 sehingga kini.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata, sehingga September lalu, sebanyak RM18.05 juta daripada peruntukan termasuk dana terkumpul (RM7.05) telah diagihkan kepada 3,389 peminjam di semua daerah negeri ini.

Menurutnya, bagi tahun 2019, SPH telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM1.88 juta dengan sasaran pengeluaran pinjaman adalah sebanyak RM3 juta pada tahun ini.

"Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha bagi mempertingkatkan pemberian pinjaman mikro kredit ini kepada golongan peniaga kecil yang memerlukan bantuan bagi memaju serta mengembangkan perniagaan.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri bersedia menambah dana bagi memperluaskan lagi program ini pada masa-masa akan datang," ucap beliau pada majlis penutup program Jelajah Usahawan SPH bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dekat Pak Ali Food Industries Sdn. Bhd. di sini 22 Oktober lalu.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah; ADUN Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim; Pengurus Bahagian Usahawan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Ku Zaleha Ku Iskandar serta wakil dari Politeknik Seberang Perai dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Seberang Perai.

Program yang dianjurkan buat kali kedua tersebut merupakan anjuran bersama antara Pejabat Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, PDC serta Pak Ali Food Industries Sdn. Bhd.

Mengulas lanjut, Abdul Halim menyeru kepada usahawan-usahawan di negeri ini supaya memanfaatkan pinjaman SPH bagi menambah pendapatan dan menaik taraf perniagaan serta meningkatkan kesejahteraan hidup.

"Justeru, marilah kita bersama-sama memberikan komitmen dan menanam tekad untuk terus berjaya serta mengecapi pembangunan negeri secara bersama," serunya.

Terdahulu, program Jelajah SPH bagi Daerah SPS dimulakan dengan lawatan premis perniagaan CK Tim Market milik **CHEONG GUEY FANG** dan suami **TIM CHIT KUANG** yang menjalankan perniagaan am dekat Taman Bukit Panchor.



ABDUL Halim Hussain (dua dari kiri) meneliti cara penghasilan Jeruk Madu Pak Ali sempena program Jelajah Usahawan SPH bagi Daerah SPS di sini baru-baru ini.



TIM Chit Kuang.



K. Magendran.



NOOR Fareza Ismail.

Jelajah kemudiannya diteruskan ke kedai gunting rambut milik **K. MAGENDRAN** yang terletak di Taman Jawi Jaya sebelum mengakhiri lawatan ke Komdas Halal Mart dekat Gerai Wakaf Jawi.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara turut berkesempatan menemubual usahawan-usahawan terlibat untuk melihat sejauh mana SPH membantu mereka dalam membangun dan mengembangkan perniagaan.

Bagi Chit Kuang, pinjaman yang diperoleh melalui SPH membantu beliau mengembangkan lagi perniagaan barangan am yang diusahakan sejak tiga tahun lalu.

"Kali pertama saya memperoleh SPH adalah sebanyak RM5,000, dan kali kedua pula berjumlah RM10,000 yang mana pinjaman ini sangat membantu dalam membuat pusingan modal untuk membeli barang-barang jualan.

"Apa yang lebih penting adalah pinjaman melalui SPH lebih senang diluluskan berbanding bank-bank konvensional," ujarnya ketika ditemui.

Magendran pula berkata bahawa pinjaman yang beliau peroleh pada kali pertama berjumlah RM3,000 digunakan untuk membeli barangan kelengkapan bagi perniagaan gunting rambut yang dijalankan selama sejak enam tahun lalu.

"Saya buat sekali lagi pinjaman berjumlah RM6,000 juga untuk membeli kelengkapan serta promosi, dan terbaru saya dapat lagi RM12,000," jelasnya yang pernah mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBOR) di atas penganjuran program menggunting rambut selama 72 jam tanpa henti.

Seorang lagi penerima, **NOOR FAREZA ISMAIL** memberitahu bahawa beliau telah mendapat pinjaman SPH sebanyak dua kali masing-masing berjumlah RM5,000 dan RM10,000 untuk membina kedai runcit yang diusahakan ketika ini.

"Bagi saya pinjaman SPH sangat membantu dan amat diperlukan oleh golongan peniaga yang mahu mengembangkan lagi perniagaan seperti kami.

"Oleh itu, saya harap SPH dapat diteruskan pada masa-masa akan datang selain promosi mengenai skim ini dapat diperluaskan," ulasnya.